



# Pendidikan teras Pelan Pembangunan Negara

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
 Bismillahir Rahmanir Rahim  
 Alhamdulillah Rabbil'alameen,  
 Wabihee Nasta'eenu 'Alaa  
 Umuriddunyya Waddeen,  
 Wassalaatu Wassalaamu  
 'Alaa Asyrafil Mursaleen,  
 Sayyidina Muhammadin, Wa'ala  
 Aalihee Wasahbihee Ajma'een,  
 Waba'du

**B**ETA merafakkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Ke-26 Tahun 2016 pada pagi ini.

Kepada semua para guru dan pendidik di sektor kerajaan dan swasta, beta sukacita mengucapkan Selamat Hari Guru.

Sambutan Hari Guru pada tahun ini bertema : 'Guru Bijaksana Pembina Masyarakat Berwawasan'. Begitu besar peranan guru itu. Sebagai ejen pelaksanaan pendidikan, guru adalah dituntut untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan pemikiran bernas.

Peranan guru adalah sejajar dengan keperluan negara dan hasrat kita manusia. Apapun zaman, faktor ini adalah sama. Kerana itu, penyediaan dan peningkatan guru-guru perlulah dilihat dari aspek ini.

Para guru adalah penyumbang kepada kualiti pendidikan dan pemangkin kepada produktiviti tenaga sumber manusia Negara Brunei Darussalam.

Kualiti pendidikan boleh dicapai melalui pendekatan *whole of nation*, serta boleh diukur menerusi beberapa Petunjuk Prestasi Utama Kebangsaan yang telah dikenal pasti di bawah strategi Pendidikan Wawasan Brunei 2035 iaitu : (i) Peratus guru-guru yang berkelayakan dan berkualiti tinggi, (ii) Peratus institusi pendidikan yang berada di bawah tahap minima mengikut standard institusi pendidikan, (iii) Peratus pelajar Tahun 1 dan Tahun 3 yang berada di tahap minima literasi dan numerasi, (iv) Peratus lulus dalam BCGCE Peringkat 'O' dengan 5 'O' Levels dan ke atas, (v) Kemasukan ke pasca menengah dan (vi) Kadar Pengijazahan (Pengajian Tinggi dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional).

Dalam hal ini, beta mencadangkan agar Kementerian Pendidikan dapat

**"BETA gembira mengetahui bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil langkah positif dalam memastikan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) benar-benar dapat memberi inspirasi ke arah merealisasikan Wawasan 2035."**



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-26 Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi pada hari Khamis, 27 Zulhijjah 1437H bersamaan 29 September 2016M di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

menyediakan satu pelan komprehensif bagi mewujudkan satu ekosistem yang dapat mempercepatkan peningkatan kualiti guru. Ini bermakna, guru-guru sebagai salah satu komponen dalam ekosistem itu akan bertindak proaktif dalam menyertai semua aktiviti, yang kemudiannya mampu untuk menjadikan mereka sebagai guru-guru yang berprestasi tinggi.

Selain itu, beta adalah menyambut baik inisiatif Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan Program Literasi dan Numerasi di peringkat awal persekolahan lagi. Ini akan membantu para pelajar untuk mencapai kecemerlangan dalam pembelajaran mereka di peringkat seterusnya.

Sehubungan dengan ini, sokongan pelbagai pihak adalah diperlukan untuk sama-sama memastikan bahawa anak-anak bangsa kita akan menjadi rakyat yang berpendidikan dan kemahiran tinggi. Di sini, peranan para ibu bapa adalah satu faktor utama.

Sistem pendidikan hendaklah sentiasa

relevan. Beta gembira mengetahui bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa mengambil langkah positif dalam memastikan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 (SPN21) benar-benar dapat memberi inspirasi ke arah merealisasikan Wawasan 2035. Beta berpendapat SPN21 mestilah bersifat lebih besar dan berfungsi secara bersepadu dengan perancangan-perancangan negara. Ini penting, kerana teras kepada Pelan Pembangunan Negara adalah pendidikan.

Beta juga amat gembira apabila mengetahui, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah dan terus bekerjasama dengan Unit PENGGERAK, Jabatan Perdana Menteri dalam memfokus beberapa bidang utama bagi membantu pencapaian pelajar-pelajar di sekolah rendah dan menengah. Semoga usaha sama ini akan membuahkan hasil yang memuaskan.

Akhir kata, beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini, semoga segala usaha mereka dalam mendidik anak bangsa akan menerima ganjaran setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Kepada para penerima Anugerah Hari Guru, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan semoga penganugerahan ini akan menjadi pencetus semangat dan motivasi kepada sekalian warga guru.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

3 OKTOBER 2016 BERSAMAAN 1438 محرم 2

## BERHIJRAH UNTUK KEBAIKAN

**I**STILAH hijrah bermaksud meninggalkan sesuatu yang dilarang atau melakukan perubahan dari sesuatu yang buruk kepada yang lebih baik. Ia bermaksud berpindah dari satu tempat atau berubah daripada satu keadaan kepada satu keadaan yang lain.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita melangkah ke Tahun Baharu 1438 Hijrah, bersyukur kerana dengan limpah rahmat-Nya kita masih diberi kesihatan yang baik dan dipanjangkan umur.

Peristiwa penghijrahan merujuk kepada penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah pada tahun 622 Masihi. Penghijrahan tersebut bertujuan untuk mengembangkan syiar Islam, mempertahankan kedaulatan dan kesuciannya. Penghijrahan tersebut adalah kerana mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan untuk meneruskan perjuangan dakwah dan berkorban demi kebaikan ummah.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah perutusan sempena menyambut Awal Tahun Hijrah 1438 menyatakan, Sambutan Tahun Baharu Hijrah bertujuan untuk mengajak umat Islam menghayati konsep hijrah yang pernah dilalui oleh Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang memberi impak besar kepada penyebaran agama Islam.

Baginda bertitah, keazaman Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah meninggalkan tanah tumpah darah dengan menempuh segala kesukaran, adalah satu strategi untuk menyelamatkan akidah. Strategi ini tidak diragukan lagi adalah strategi ketuhanan, kerana bukannya, berlakunya hijrah itu atas perintah Allah?

Justeru, penghijrahan dalam Islam adalah sangat digalakkan seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 218 tafsirnya :

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah serta berjuang pada jalan Allah, mereka itulah yang mengharapkan rahmat Allah. Dan Allah itu Maha Pengampun lagi Maha Pengasih."

Firman Allah Subhanahu Wata'ala lagi dalam Surah Al-Anfaal, ayat 74 yang tafsirnya :

"Dan orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad pada jalan Allah dan orang-orang (Ansar) yang memberi tempat kediaman dan pertolongan (kepada orang-orang Muhajirin itu), mereka itulah orang-orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Mereka beroleh keampunan dan rezeki (nikmat) yang tidak putus-putus (di syurga)."

Peristiwa penghijrahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Mekah ke Madinah memberikan banyak pengajaran dan menekankan kepentingan penghijrahan demi kebaikan.

Usia kita setiap saat bertambah, ia mengingatkan kita tempoh untuk terus hidup di bumi ini semakin berkurangan. Sehubungan itu, marilah kita muhasabah, apakah kita telah sedaya upaya melakukan yang terbaik? Apakah sudah cukup bekalan untuk menghadapi akhirat?

Dengan melangkah ke tahun baharu ini, marilah gunakan kesempatan yang diberikan untuk meningkatkan usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan pertingkatkan amalan, keimanan serta ketakwaan. Marilah melangkah ke tahun baharu dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. -  
**Ketua Penyuntingan (Ss).**

Ramadan Cuaca 3 Hari		
ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
33°C ☁️ 25°C	34°C ☁️ 25°C	33°C ☁️ 26°C
MUARA		
34°C ☁️ 25°C	34°C ☁️ 25°C	33°C ☁️ 25°C
PERAB BANGAR		
33°C ☁️ 25°C	33°C ☁️ 25°C	33°C ☁️ 26°C
PEKAN TUTONG		
34°C ☁️ 25°C	33°C ☁️ 25°C	33°C ☁️ 25°C
PERAB SERIA		
34°C ☁️ 25°C	34°C ☁️ 26°C	33°C ☁️ 25°C
KUALA BELAIT		
34°C ☁️ 25°C	34°C ☁️ 26°C	33°C ☁️ 26°C

Wabillahit Taufik Walhidayah  
 Ketua Pejabat Pelita Brunei Darussalam, Kementerian Pembangunan  
 www.pelita.gov.bn  
 114


Masihi OKTOBER	HARI	Hijrah MUHARAM	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	ISNIN	2	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20
4	SELASA	3	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.11	7.20
5	RABU	4	4.40	4.50	6.07	6.29	12.10	3.23	6.10	7.19
6	KHAMIS	5	4.40	4.50	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19
7	JUMAAT	6	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.10	7.19
8	SABTU	7	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18
9	AHAD	8	4.39	4.49	6.06	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:  
 "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

TALIAN KECEMASAN 991 | AMBULANS 993 | POLIS 995 | BOMBA 998 | PENYELAMAT 998  
 (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
 JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
 123  
 NDMC 2380214

# Berkenan menghantar perutusan tahniah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Korea, Puan Yang Terutama Park Geun-hye, kerajaan serta rakyat Republik Korea bersempena dengan Republic of Korea National Foundation Day dan berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Joachim Gauck dan Canselor Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Angela Merkel, kerajaan serta rakyat Republik Persekutuan Jerman sempena Day of German Unity.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 3 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Korea, Puan Yang Terutama Park Geun-hye, kerajaan dan rakyat Republik Korea bersempena dengan Republic of Korea National Foundation Day.

Di dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat gembira dapat berjumpa dengan Puan Yang Terutama semasa Mesyuarat-Mesyuarat ASEAN di Laos bulan

lepas, dan berharap dapat mengukuhkan kerjasama yang penting dan yang telah lama wujud di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Korea dan seterusnya mempertingkatkan lagi persahabatan yang mesra dan akrab di antara rakyat kedua-dua buah negara.

Pada mengakhiri perutusan baginda itu, baginda seterusnya menyampaikan salam muhibah bagi kesejahteraan dan kesihatan Puan Yang Terutama dan negara serta rakyat Korea terus menikmati kemakmuran.

Sementara itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam

juga berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Joachim Gauck dan Canselor Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Angela Merkel, kerajaan serta rakyat Republik Persekutuan Jerman sempena Day of German Unity.

Dalam titah perutusan baginda kepada Presiden Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Joachim Gauck, Kebawah Duli Yang Maha Mulia amat gembira dengan hubungan persahabatan dan kerjasama yang mesra dan erat di antara rakyat dan kedua-dua buah negara, dan baginda yakin persahabatan dan kerjasama ini akan terus bertambah kukuh pada tahun-tahun yang akan datang.

Sementara dalam titah perutusan baginda kepada Canselor Republik Persekutuan Jerman, Puan Yang Terutama Angela Merkel, baginda menitahkan bahawa kedua-dua buah negara dan rakyat telah dapat menikmati banyak manfaat daripada hubungan persahabatan dan kerjasama yang bernilai dan telah lama terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Persekutuan Jerman, dan berharap hubungan penting ini akan dapat diperkukuhkan lagi di masa hadapan.

Pada mengakhiri titah-titah perutusan tersebut, baginda mengucapkan salam muhibah dan selamat menyambut hari perayaan kepada Tuan Yang Terutama Joachim Gauck dan juga kepada Puan Yang Terutama Angela Merkel.

# Jangan libatkan Islam dengan keganasan

Dari muka 1

Dalam hal ini, baginda melahirkan rasa terkejut, apabila mengetahui baru-baru ini, tersiarnya dalam akhbar *online*, Saudi Gazette menyiarkan berita penahanan seorang lelaki warga Brunei Darussalam yang disyaki terlibat dalam aktiviti penganasan di Riyadh, Arab Saudi yang bertarih pada 16 September 2016.

Walau bagaimanapun, titah baginda, setelah semuanya diteliti, pada 20 September 2016, akhbar Saudi Gazette telah mengakui kesilapannya membabitkan warga Negara Brunei Darussalam dalam laporannya, dan telah membetulkan laporan tersebut.

Penelitian ini menurut baginda, telah dilakukan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Negara Brunei Darussalam melalui Kedutaan Besar kita di Riyadh, Arab Saudi telah memaklumkan bahawa Kerajaan Arab Saudi telah mengesahkan tidak ada warga Negara Brunei Darussalam yang terlibat dalam

**INTISARI TITAH**

**\* LIMA perkara asasi yang diperlukan dalam Islam yang terdapat *Maqasid Syar'iyah* ialah : Menjaga atau memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.**

**\* ISLAM melarang keras umat Islam membunuh diri dan sekali gus mengharamkan segala bentuk pembunuhan terhadap sekalian hamba Allah dan makhluk yang tidak berdosa.**

**\* AJARAN Islam sangat menyumbang kepada keamanan dan kerukunan hidup sesama insan.**

**\* ADALAH dusta dan tidak berasas sama sekali melibatkan Islam dengan keganasan.**

penangkapan, seperti yang dilaporkan itu.

"Beta sendiri secara peribadi, dari awal-awal lagi adalah sukar untuk mempercayai kesahihan berita tersebut berdasarkan, TIDAK MUNASABAH orang Brunei boleh terlibat dengan aktiviti seperti itu,"

titah baginda.

Baginda sangat percaya bahawa orang-orang Brunei, adalah sudah matang untuk membuat penilaian, mereka juga memang tidak ada masa atau keinginan untuk terbabit dengan sebarang anasir di mana saja.

Orang-orang Brunei, titah

baginda, lebih sibuk membangun negara yang aman di bawah kepimpinan yang telus dan adil berpandukan undang-undang dan ajaran Islam tulen.

Baginda melahirkan rasa syukur, sebagaimana yang baginda duga perkara sebagaimana yang dilaporkan oleh *online* Saudi Gazette tidak boleh berlaku yang mana pada akhirnya juga telah terbukti benar.

"Segala puji-pujian bagi Allah jua, yang telah memelihara Brunei dan rakyatnya dari terlibat atau dilibatkan dengan perkara-perkara yang kita sendiri tidak ada kena mengenainya," titah baginda.

Bersempena dengan Sambutan Awal Tahun Baharu Hijrah 1438 ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengajak umat Islam di negara ini menjaga atau memelihara lima perkara asasi yang diperlukan oleh semua orang, iaitu menjaga atau memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta atau dalam Islam dikenali *Maqasid Syar'iyah*.

Menurut baginda, kelima-lima perkara asasi tersebut tidak ada dalam lain-lain akidah, tetapi Islam

meliputi semuanya yang mesti dipenuhi untuk kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Dari itu, baginda bertitah agar umat Islam di negara ini sama-sama menghayati hijrah yang dilalui oleh Nabi kita, Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, yang memberi impak besar kepada penyebaran agama Islam.

Keazaman Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah meninggalkan tanah tumpah darah dengan menempuh segala kesukaran, adalah atas perintah Allah dan merupakan satu strategi untuk menyelamatkan akidah, jelas baginda.

Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu, telah membawa sinar pada seluruh alam terutamanya agama Islam terus selamat dan dapat menyumbang pada kemanusiaan sejagat, titah baginda.

Pada akhir titah, baginda dan keluarga sukacita mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Hijrah 1438, semoga dengan kedatangannya, akan membawa sinar pada bangsa dan negara.

# Berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1438 Hijrah Peringkat Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1438 Hijrah Peringkat Negara. Berangkat sama ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1438 Hijrah Peringkat Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, di sini.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1438H; Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Majlis dimulakan dengan bacaan Doa Akhir Tahun 1437H dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Setelah itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda bersama para jemaah yang hadir menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga memimpin bacaan Doa Awal

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,  
Ak. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin,  
Muhammad Asri Haji Awang Abas

Tahun 1438H.

Sebanyak 21 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah sebagai menandakan Awal Tahun 1438H.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim seterusnya mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala supaya Negara Brunei Darussalam beroleh kemakmuran dan kesejahteraan serta terhindar dari bala bencana.

Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Md. Rohaidi bin Johadi, johan qari Kategori Alif, Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Negara bagi Murid-murid Sekolah-sekolah Arab Ke-52, Tahun 1437H / 2016M, manakala kesimpulan maknanya dibacakan oleh Pegawai Pelajaran di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nur Hadi bin Ismail @ Taib.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembahkan, berkat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Tuan Patik, maka Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam telah menjadi tradisi yang baik bagi negara ini.

Ia tidak sahaja mensyiarkan keutamaan agama Islam sebagai agama rasmi bahkan serentak dengan itu menanamkan semangat beragama yang manis santun dan serasi dengan kepimpinan Kebawah Duli Tuan Patik dan Kerajaan Kebawah Duli Tuan Patik yang sentiasa berusaha memelihara negara supaya kekal aman tenteram dan berkeadilan, dengan 'inayah Allah Subhanahu Wata'ala bagi sekalian rakyat serta penduduk berkehidupan sejahtera lagi harmoni, menepati tujuan konsep bernegara *Baldatun Toyibatun Warabbun Ghafur*.

Ke muka 12 dan 13



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir pada majlis sambutan tersebut.



PARA jemputan yang terdiri daripada jemaah lelaki dan wanita ketika hadir pada Majlis Sambutan Awal Tahun 1438H Peringkat Negara di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

# LPA dukung hasrat negara ke arah *pro-business*



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong (depan, tengah) semasa lawatan ke Jabatan Buruh bagi meninjau pelaksanaan proses baharu Lesen Pekerja Asing (LPA) yang telah mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2016.

## Dari muka 1

Yang Berhormat turut mengingatkan kepada para pemohon berdasarkan dari apa yang diperolehi melalui pengenalan LPA ini bahawa adalah menjadi satu keperluan bagi syarikat ataupun pemohon pertama sekali ialah untuk mendaftar dengan Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) dan mendaftarkan terlebih dahulu pekerja-pekerja mereka ke APTK iaitu pekerja-pekerja yang telah disenaraikan dan disahkan oleh Tabung Amanah Pekerja (TAP).

Selain itu, tambahnya, syarikat juga memerlukan sokongan daripada agensi-agensi yang berkenaan mengikut industri masing-masing, bila mana melalui proses ini kita akan mengetahui nisbah pekerja tempatan dan pekerja asing melalui APTK.

Menjelaskan antara perubahan utama bagi pelaksanaan proses LPA ini jelas Yang Berhormat lagi, ialah Jabatan Buruh dapat mengurangkan langkah dari 12 langkah ke tujuh langkah dan ini akan memendekkan Tekad Pemeduliaan Orang Ramai (TPOR) yang sebelum ini 41 hari dan sekarang telah menjadi sembilan hari.

Bagi memudahkan lagi orang ramai memahami lebih lanjut mengenai kaedah dan proses permohonan LPA ini dengan lebih lanjut ialah jika sebelum ini permohonan lesen akan menggunakan borang 500 dan memohon kuota menggunakan borang 555, jadi kedua-dua borang ini (borang 500 / 555) kini telah disatukan menjadi satu borang sahaja, iaitu permohonan LPA dan kerana itu kita akan dapat memendekkan proses atau langkah-langkah ini, ujar Yang Berhormat lagi.

"Proses untuk mengambil pekerja menggunakan kuota seperti yang lazimnya, iaitu proses LPA ini, jumlah yang dibenarkan untuk mendatangkan pekerja asing tergantung pada NTA mengikut industri jadinya ia adalah berbeza-beza, kalau dalam sektor *construction* nisbah pekerja tempatan dan asing berbeza dengan sektor kewangan umpamanya," terangnya lagi.

Antara perubahan dan pembaharuan yang lain pula terang Yang Berhormat lagi, ialah pembukaan cawangan-cawangan atau kaunter-kaunter bagi agensi-agensi berkenaan di Jabatan Buruh, antaranya dengan mengadakan Kaunter APTK dan Kaunter Imigresen bagi kemudahan orang ramai agar mereka tidak lagi perlu untuk

berulang-alik setelah mendapat kebenaran dari Jabatan Buruh dan kini semua kaunter yang berkaitan sudah berada di bawah satu bumbung, jadi insyaaAllah ini akan memudahkan orang ramai berurusan dan kita berharap kita akan mendapat respons daripada orang ramai apabila prosedur baharu ini dilaksanakan.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh akan melaksanakan proses seumpamanya secara berperingkat-peringkat bagi memberikan ruang pada jabatan berkenaan untuk menilai kelicinan dan efisiensi perkhidmatan tersebut, dari itu adalah dimaklumkan bahawa dari 1 Oktober ini pelaksanaan hanya dikhususkan kepada permohonan lesen baharu sahaja, manakala mulai 1 Januari 2017 akan memulakan dengan lesen tambahan dan pada 1 April 2017 nanti ialah pembaharuan lesen.

Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) menerusi sidang medianya yang diadakan baru-baru ini telah memaklumkan mengenai pelaksanaan proses baharu permohonan LPA di Jabatan Buruh dengan memperkenalkan dasar baharu dalam pengambilan pekerja asing yang mana dasar tersebut melibatkan penggabungan proses di antara lesen pengambilan pekerja asing dan sokongan pas kerja (BUR 500 / BUR 555).

Proses permohonan ini dikenali sebagai LPA dan dasar ini merupakan antara perancangan yang terkandung di dalam Pelan Strategik Jabatan Buruh.

Pelaksanaan proses baharu LPA ini bertujuan dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan efisien serta memudahkan dan menyenangkan orang ramai berurusan ke Jabatan Buruh di mana proses yang baharu ini dapat dipercepatkan dan dipendekkan dari 41 hari waktu bekerja ke sembilan hari waktu bekerja juga mengurangkan 12 langkah ke tujuh langkah proses di Jabatan Buruh sahaja.

Dari itu, sistem lesen pengambilan pekerja asing secara berkuota ditiadakan.

Ia juga bertujuan untuk mendukung hasrat negara ke arah persekitaran yang *pro-business* dan mengutamakan penduduk-penduduk tempatan dalam pengambilalihan jawatan-jawatan dalam sektor industri yang dipegang oleh pekerja

asing, yang mana akan diisikan oleh pekerja tempatan secara berperingkat-peringkat dengan memperkenalkan NTA.

Permohonan LPA ini memerlukan pemohon untuk mendapatkan keperluan-keperluan seperti 1. Mendaftar di APTK; 2. Menyertakan senarai pekerja-pekerja tempatan yang disahkan oleh TAP melalui e-Amanah; dan 3. Menyertakan sokongan atau pengesahan agensi kerajaan yang lain jika diperlukan, sebelum menghadapkan permohonan LPA ke Jabatan Buruh.

Berikutan pengenalan proses baharu ini, beberapa perubahan utama akan dilaksanakan seperti berikut :

- Proses pengambilan pekerja asing di Jabatan Buruh dikurangkan dari 12 langkah ke tujuh langkah.

- TPOR proses pengambilan pekerja asing di Jabatan Buruh dikurangkan dari 41 hari bekerja ke sembilan hari bekerja termasuklah pembayaran wang taruhan dan menandatangani kontrak.

- Kemestian menggaji penduduk-penduduk tempatan bagi setiap syarikat melalui penentuan jumlah pekerja asing berdasarkan peratus nisbah yang telah ditetapkan oleh Jabatan Buruh berdasarkan pada NTA yang telah dipersetujui dan disahkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan mengikut sektor.

- Pemeriksaan Jabatan Buruh akan dilakukan selepas lesen dibenarkan, yang mana sebelumnya lazimnya

dibuat sebelum permohonan dibenarkan, walau bagaimanapun, bagi sektor pembinaan memerlukan pemeriksaan sebelum dan selepas permohonan diluluskan.

Dalam hubungannya ini, sukacita maklumkan bahawa proses baharu ini akan mula berkuat kuasa pada hari Sabtu, 1 Oktober 2016, iaitu bagi permohonan lesen baharu, manakala permohonan lesen tambahan akan bermula pada 1 Januari 2017 dan permohonan membarui lesen akan bermula pada 1 April 2017, dan permohonan lesen baharu bagi syarikat secara *online* adalah dengan ini diberhentikan bermula 1 Oktober 2016.

Untuk makluman juga, jerayawara-jerayawara akan diadakan di setiap daerah bagi memberikan penerangan lebih lanjut kepada pihak majikan dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Sebarang penerangan lanjut mengenai proses permohonan LPA, para majikan dan pihak-pihak yang berkepentingan bolehlah melayari laman sesawang Jabatan Buruh [www.labour.gov.bn](http://www.labour.gov.bn), Facebook *Jabatan Buruh, Negara Brunei Darussalam* dan Instagram *labour.brunei* atau datang terus ke ruang legar, Tingkat Bawah, Bangunan Jabatan Buruh, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

## 46 tahun penukaran nama Bandar Seri Begawan

### Siaran Akhbar : Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Oktober. - Ibu kota Bandar Seri Begawan (BSB) kini telah berusia 46 tahun setelah ditukarnya yang sebelum dikenali sebagai Bandar Brunei.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Bandaran BSB, bagi memperingati peristiwa bersejarah itu, Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit diadakan di Kubah Makam Diraja.

Majlis tersebut sempena penukaran nama Bandar Brunei ke

BSB yang mempunyai signifikan kenegaraan dalam mengenang jasa seorang raja dan Ulil Amri yang juga digelar sebagai 'Arkitek Brunei Moden' yang sangat dikasihi.

BSB telah melalui kemajuan serta perkembangan yang pesat dari segi pembangunan dan infrastruktur dengan kemudahan serta prasarana awam dan taman riadah juga disediakan untuk dinikmati oleh rakyat serta penduduk dalam suasana bernegara dan beribu kota yang selesa, aman, tenteram serta diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Hadir pada majlis tersebut, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan di jabatan-jabatan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta para penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung seluruh negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Ali Yusof bin Haji Arshad disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan bacaan Tahlil.

Kira-kira 200 orang hadir pada majlis tersebut.

## Permohonan Pameran Perdagangan bertukar alih ke Jabatan Tenaga dan Perindustrian JPM

### Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 30 September. - Jabatan Tenaga dan Perindustrian di Jabatan Perdana Menteri (JPM) memaklumkan kepada pihak awam bahawa tempat bagi permohonan Pameran Perdagangan di bawah Bab 2 Kategori (n) dari Akta Hiburan Awam (Penggala 181) telah pun bertukar alih dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Perlancongan ke Jabatan Tenaga dan Perindustrian di JPM.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Tenaga dan Perindustrian di JPM, peralihan itu berkuat kuasa mulai

1 Oktober 2016.

Untuk makluman orang ramai, Pameran Perdagangan yang mengandungi pertunjukan, iklan atau penjualan barangan hasil industri atau bahan-bahan lain dalam bawah Bab 2 Kategori (n) dari Akta Hiburan Awam (Penggala 181) adalah termasuk seperti mana berikut :

- Ekspo perdagangan dari dalam dan luar negeri;
- Pertunjukan / jerayawara yang berkaitan dengan perdagangan (seperti : kereta, hartanah, *travel fair*);
- Garage sale / Car boot sale;
- Ekspo perkahwinan;

• dan lain-lain.

Sehubungan itu, sebarang permohonan pelesenan bagi mengadakan aktiviti-aktiviti tersebut hendaklah dipohonkan dengan mengisi Borang Permohonan Akta Hiburan Awam (Penggala 181) yang boleh dimuat turun dari laman sesawang Jabatan Tenaga dan Perindustrian, JPM <https://onebiz.business.gov.bn> dan seterusnya dihantar ke Jawatankuasa Ekspo dan Trade Fair (ETF) di Jabatan Tenaga dan Perindustrian, JPM melalui e-mel : [etf@jpm.gov.bn](mailto:etf@jpm.gov.bn).

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi Jawatankuasa Ekspo dan Trade Fair (ETF) melalui talian +673 2384488 sambungan 1050.

# Usaha gigih sebagai persiapan sebelum peperiksaan

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Oktober. - Seramai lebih 200 pelajar Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah (YSHHB) yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) dan ibu bapa pelajar menyertai Majlis Solat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin serta Motivasi Calon PSR 2016 yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan.

Antara yang menyertai ialah cucunda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Pengiran Wajeeh Al-Bolkiah bin Pengiran Haji Mohd. Hakimmuddin juga cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Hajah Aasiyah Rabiatu Masna binti Yusrin.

Ketua Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Noorhaizam bin Haji Mohd. Mosbi hadir selaku tetamu kehormat dan menyertai majlis tersebut.

Pemangku Guru Besar Sekolah Rendah YSHHB, Awang Alimas bin Haji Md. Ali berkata, majlis tersebut bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar yang akan menduduki Peperiksaan PSR yang akan berlangsung tidak lama lagi serta ibu bapa dan penjaga pelajar.

Beliau berharap pelajar-pelajar akan dapat meningkatkan lagi motivasi diri dan seterusnya mempunyai pemikiran

yang positif untuk berusaha dengan lebih gigih dan memberikan yang terbaik di dalam peperiksaan nanti.

"Dan dengan sepenuhnya majlis ini nanti adalah diharapkan akan dapat memperkukuhkan ikatan kerjasama di antara tiga komponen, iaitu pelajar, ibu bapa serta penjaga dan guru," katanya.

Beliau turut memberi saranan kepada para ibu bapa serta penjaga supaya dapat memantau dan membantu anak-anak ketika belajar di rumah; menjaga keselamatan dan kesihatan anak-anak serta sama-sama berusaha mendoakan kecemerlangan juga kejayaan anak masing-masing.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Solat Hajat yang diimamkan oleh Pegawai

Hal Ehwal Masjid juga Ketua Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Awang Haji Kamaruzaman bin Haji Jakar.

Ini diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin secara beramai-ramai.

Majlis turut diserikan dengan ceramah motivasi yang disampaikan oleh kaunselor-kaunselor dari Unit Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, iaitu Awang Haji Muhd. Khairul Izam bin Suliman dan Pengiran Hamiosmera bin Pengiran Haji Othman.

Ceramah antara lain mengongsikan mengenai tips dan persediaan yang perlu dilaksanakan oleh para pelajar menjelang peperiksaan.

Di samping itu, ceramah tersebut juga memberikan motivasi kepada para pelajar supaya tampil lebih berkeyakinan dalam menghadapi peperiksaan yang akan tiba nanti agar mereka akan lebih gigih meningkatkan usaha bagi memperolehi keputusan yang cemerlang.



**CUCUNDA** Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Pengiran Wajeeh Al-Bolkiah bin Pengiran Haji Mohd. Hakimmuddin semasa menyertai Majlis Solat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin serta Motivasi Calon PSR 2016 yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan.

## 83 pelajar sekolah ugama khatam Al-Quran

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed



**KETUA** Kampung Lumut 1, Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad (kanan) selaku tetamu khas pada Majlis Khatam Al-Quran bersama Guru Besar Sekolah Ugama Sungai Taring Lumut, Awang Mohammad Khairul Arifin bin Aji.

**LUMUT**, Sabtu, 1 Oktober. - Al-Quran merupakan mukjizat yang diturunkan kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ia juga dapat diertikan sebagai kalam Allah Subhanahu Wata'ala kalam yang diwahyukan kepada nabi-nabi lain sebelum Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, seramai 83 pelajar yang terdiri 53 lelaki dan 30 perempuan telah menyertai Majlis Khatam Al-Quran dalam satu majlis gabungan yang diungkuhkan di antara Sekolah Ugama Sungai Taring Lumut dan Sekolah Ugama Lumut 1 yang merupakan satu projek berterusan kelolaan Unit Kokurikulum, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis diadakan di Dewan Sekolah Ugama Sungai Taring Lumut telah dihadiri oleh Ketua Kampung Lumut 1, Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad selaku tetamu khas majlis.

Projek tersebut merupakan satu platform pada ukhawah di antara ibu bapa dan penjaga serta pihak sekolah dalam mengalakkan lagi proses pembelajaran murid-murid, selain itu, ia juga dilihat sebagai wadah pada memotivasikan murid-murid untuk terus mengamalkan, bukan sahaja keberuntungan pahala yang diperolehi, malah yang lebih penting mempraktikkan kandungan serta pengajaran yang tersirat di sebalik yang tersurat.

Antara objektifnya dihasratkan untuk menjadikan generasi masa hadapan yang celik Al-Quran, yang dapat membentuk murid-murid agar berketerampilan, berkepandaian dan berkebolehan dalam apa jua aspek kehidupan dengan berpaksikan Al-Quran selaras dengan aspirasi negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Pelita Brunei menemu bual Guru Besar Sekolah Ugama Lumut, Dayang Zalefah binti Asmad, beliau antara lain memberitahu peserta-peserta yang diraikan merupakan murid-murid yang dikenali pasti telah menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran selama mereka berada di bangku persekolahan ugama.

Sementara itu, Guru Besar Sekolah Ugama Sungai Taring Lumut, Awang Mohammad Khairul Arifin bin Aji menerangkan, pengiktirafan berdasarkan pada penilaian yang dibuat oleh jemaah pentasmik dan pembimbing yang terdiri dari Jawatankuasa Penilai Bacaan Al-Quran murid-murid yang diketuai oleh seorang Guru Kanan dari Unit Pembelajaran Al-Quran.

Pelita Brunei juga menemu bual beberapa orang ibu bapa serta penjaga peserta, Dayang Hajah Liza binti Haji Dahlan dan anaknya, Awang Wafeeq Aiman bin Moharin melahirkan rasa terharu dan bangga dengan adanya projek yang diungkuhkan pihak sekolah, beliau yakin usaha itu sedikit sebanyak dapat membantunya dalam memastikan anaknya boleh membaca Al-Quran, di samping memastikan anaknya akan terus membaca serta menghayati Al-Quran.

Sementara itu, Dayang Nur Anisah Munirah binti Suhaili bersama anaknya, Awang Md. Nazmirol Faiz bin Md. Nazri berpendapat, acara yang diusahakan itu sangat baik selain dapat memastikan anaknya khatam beliau juga berpuas hati dengan acara serta program yang telah disusun kemasa.

Peserta-peserta khatam diberi penghargaan dan majlis diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan yang disampaikan oleh tetamu khas.

## Pendidikan Islam lahirkan al-Insan as-Saleh



**TAZKIRAH** bertajuk 'Guru Bijaksana Pembina Generasi Berwawasan' yang disampaikan oleh Guru Besar Sekolah Ugama Jerudong, Awang Haji Johar bin Haji Jumat sebagai memulakan Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab sempena Hari Guru Ke-26.

**JERUDONG**, Sabtu, 1 Oktober. - Dalam pendidikan Islam matlamat yang ingin dicapai ialah ingin melahirkan al-Insan as-Saleh kerana pendidikan yang seimbang dan sempurna sentiasa memberi penekanan pada dua aspek, iaitu kurikulum dan gerak kerja kokurikulum.

Sehubungan itu, Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab sempena Hari Guru Ke-26 telah berlangsung di seluruh negara, di sini.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, pusat tumpuan di Sekolah Ugama Jerudong.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diikuti dengan takzehir bertajuk 'Guru Bijaksana Pembina Generasi Berwawasan' yang disampaikan oleh

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Guru Besar sekolah berkenaan, Awang Haji Johar bin Haji Jumat.

Takzehir antara lain memberikan pelajar kefahaman mengenai guru bijaksana pembina generasi berwawasan khususnya guru ugama.

Pelajar dan warga sekolah diterangkan bahawa guru bijaksana pembina generasi berwawasan terletak sebahagian besar di bahu guru-guru ugama, di mana terbabit dalam dunia pendidikan dan latihan untuk mengembangkan potensi, bakat serta kualiti seseorang pelajar.

Pendidikan yang seimbang di antara duniawi dan ukhrawi sangat penting dalam mempersiapkan negara dengan generasi berwawasan yang berkualiti dan memiliki sahsiah, berkemahiran tinggi serta mampu berfikir secara kreatif dan kritis khususnya untuk

mengisi ruang Wawasan Negara 2035.

Acara kemudian diteruskan lagi dengan bacaan Ratib Al-Attas oleh murid-murid sekolah ugama dan disudahi dengan bacaan Doa Hari Guru dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara.

Tujuan program adalah untuk merealisasikan Rancangan Strategi Jabatan Pengajian Islam, iaitu meningkatkan peratus pelajar yang mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah Arab dan ugama.

Meningkatkan program kokurikulum, di samping melahirkan akidah yang kukuh dan akhlak yang mulia melalui program pendidikan kokurikulum dengan melibatkan semua pelajar mengikuti program penghayatan beragama.



**ANTARA** pelajar yang hadir pada Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab sempena Hari Guru Ke-26 yang diadakan di Sekolah Ugama Jerudong.

# Bandarku Ceria setiap Ahad disambut meriah



ANTARA aktiviti Bandarku Ceria Hari Tanpa Kereta ialah aktiviti berbasikal yang turut disertai oleh Menteri-Menteri Kabinet dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Oktober. - Bandarku Ceria Hari Tanpa Kereta diharap dapat menghidupkan semula ibu negara di samping memberi peluang kepada rakyat dan penduduk untuk beriadah sambil menikmati suasana pagi.

Aktiviti bersempena pertukaran nama Bandar Brunei kepada Bandar Seri Begawan (BSB) itu kini menjangkau 46 tahun dan mengalami perubahan yang sangat ketara termasuk infrastruktur yang pesat membangun.

Hadir memeriahkan aktiviti yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin di sini ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Bahrin bin Abdullah; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusof dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Zulkarnain bin Haji Hanafi.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan Setiausaha-Setiausaha Tetap.

Pegawai Tugas-Tugas Kanan, Tingkat 1, Kementerian Sumber-

Sumber Utama dan Pelancongan, Pengiran Abdul Malek bin Pengiran Badaruddin ketika ditemu bual menyatakan, aktiviti seumpama itu akan diadakan setiap hari Ahad dalam setiap bulan sekali gus kita bebas untuk membuat sebarang riadah ataupun kegiatan yang bersesuaian.

"Maka dengan itu, aktiviti ini yang begitu jarang dilakukan dapat memberikan peluang pihak tertentu untuk menyertai atau melibatkan diri seperti pihak-pihak swasta untuk sama-sama tampil bagi minggu-minggu yang datang untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang

lain," ujarnya.

Menurutnya, pihak Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan buat pertama kalinya menyertai satu aktiviti iaitu *Explore BSB* untuk mengetahui tempat-tempat yang ada warisan. Dengan itu, dapat dipelbagaikan cara untuk melibatkan generasi-generasi baharu untuk mengetahui tempat-tempat yang menarik.

"Ini adalah masa untuk menarik dan memperkenalkan pelancongan tempatan. Aktiviti ini akan diadakan setiap hujung minggu iaitu setiap hari Ahad, hari tanpa kereta. Ini adalah peluang sama-sama melihat keadaan suasana BSB tiap-tiap minggu dan diharap akan mendapat sambutan daripada orang ramai dan seterusnya pihak berkuasa akan melibatkan pihak swasta," jelasnya lagi.



PELBAGAI aktiviti diadakan sempena dengan Bandarku Ceria Hari Tanpa Kereta setiap Ahad, yang diharap dapat menghidupkan semula ibu negara di samping memberi peluang kepada rakyat dan penduduk untuk beriadah sambil menikmati suasana pagi.

## Berdakwah melalui pemberian bantuan

Berita : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**TEMBURONG**, Ahad, 2 Oktober. - Seramai lebih 20 asnaf fakir miskin dan asnaf muafaf menerima sumbangan berupa barang asasi dalam satu majlis yang berlangsung di Pos Da'wah Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi, di sini.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, yang juga Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei semasa

berlangsungnya Majlis Kunjungan dan Ramah Mesra serta Gotong-Royong bersama Asnaf Fakir Miskin dan Muafaf sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1438.

Sejurus menyempurnakan penyampaian sumbangan-sumbangan tersebut, Yang Berhormat dan rombongan mengunjungi kediaman penerima Asnaf Fakir Miskin, Awang Hussin bin Abdullah di Kampung Selapon, Batu Apoi dan berkesempatan menyerahkan sumbangan berupa barangan asasi. Awang Mohammad Hussin bin

Abdullah, menanggung seorang isteri dan empat orang anak, yang mana dua orang anaknya merupakan golongan OKU (pengesahan dari hospital) dan beliau menerima bantuan berupa Bantuan Agihan keperluan asasi secara wang tunai sebanyak BND9,360.00 @ BND390.00 sebulan; agihan persekolahan sebanyak BND4,320.00 @ BND180.00 sebulan bagi tiga orang anak yang bersekolah dan agihan zakat bagi awal tahun persekolahan 2016.

Tempoh agihan bermula Oktober 2015 hingga September 2017 atas nama isteri, Dayang Nordiah binti Abdullah Jingga.

Ke muka 8

## Zahirkan pemedulian, keprihatinan secara kolektif

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, yang juga Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (tiga, kiri) ketika menyampaikan sumbangan kepada penerima asnaf fakir miskin dan asnaf muafaf.

**TEMBURONG**, Ahad, 2 Oktober. - Bagi menzahirkan rasa pemedulian dan keprihatinan yang sewajarnya secara kolektif kepada asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu di negara ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui agensi-agensinya yang berkaitan mengadakan Majlis Kunjungan dan Ramah Mesra serta Gotong-Royong bersama asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu di seluruh negara.

Bagi daerah ini, majlis yang juga diadakan bagi menyemarakkan Sambutan Awal Tahun 1438 Hijrah itu diadakan di Pos Da'wah Selapon, Mukim Batu Apoi, di sini.

Hadir bagi menyertai majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, yang juga Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Sejurus tiba, Yang Berhormat memulakan acara dengan meletakkan Papan Tanda Pos Da'wah Kampung Selapon dan diikuti dengan mengecat Pos Da'wah tersebut secara bergotong-royong bersama rombongan dari KHEU dan para asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu yang hadir semasa majlis tersebut.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan wakaf berupa buku-buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah dan Jabatan Mufti Kerajaan untuk Pos Da'wah Kampung Selapon, disampaikan oleh Yang Berhormat kepada Imam Pos Da'wah Kampung Selapon, Awang Haji Salleh Dicky bin Abdullah.

Pada majlis itu juga seramai 19 orang dari golongan asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu menerima sumbangan barangan asasi, disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Yang Berhormat juga berpeluang menyaksikan pameran kraf tangan yang dihasilkan oleh saudara-saudara baharu di daerah ini di samping beramah mesra bersama asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu yang hadir pada majlis penuh berkebakikan itu.

Dalam temu bual bersama media, Yang Berhormat menjelaskan, pendakwaan di Daerah Temburong sudah berjalan sejak 50 tahun lalu.

Kalau dari segi statistik yang ada, jelas Yang Berhormat, orang-orang yang memeluk agama Islam di Daerah Temburong dalam tempoh tersebut adalah kira-kira lebih sepuluh peratus dari penduduk di daerah ini iaitu antara 1,200 ke 1,300 orang.

Perkara ini jelas Yang Berhormat lagi, tidak sampai mengoncangkan keadaan masyarakat di Daerah Temburong yang memang harmonis kerana dasar negara yang saling hormat-menghormati antara satu sama lain di mana masing-masing mengetahui untuk bergerak di dalam lingkungan yang ditentukan oleh undang-undang.

Disebabkan itulah Yang Berhormat dan rombongan dari KHEU mengadakan lawatan dari semasa ke semasa menemui saudara-saudara baharu mahupun yang bukan beragama Islam yang berada dalam keluarga mereka di mana Yang Berhormat dan rombongan juga sering kali menekankan untuk hidup harmoni.

Menyentuh mengenai bantuan yang diberikan, Yang Berhormat menjelaskan bantuan kepada muafaf-muafaf pada dasarnya adalah untuk meneguhkan keimanan mereka di mana mereka perlu dibantu kehidupannya supaya sesuai dengan cara Islam.

"Contohnya jika keadaan rumahnya tidak kondusif dengan cara Islam maka dibantu dari segi bantuan rumah atau jika penghidupannya tidak kondusif dengan cara Islam maka dibantu dari segi penghidupannya," jelas Yang Berhormat.

Kerana itulah ujar Yang Berhormat, rata-rata saudara-saudara baharu dalam tempoh sepuluh tahun mereka memeluk agama Islam mereka dianggap sebagai muafaf yang mendapat agihan zakat.

Tetapi jelas Yang Berhormat lagi, jika selepas tempoh tersebut apabila mereka masih juga di dalam golongan orang yang susah maka mereka terkeluar daripada muafaf tetapi termasuk dalam golongan orang Islam yang susah dan menjadilah mereka fakir miskin.

# Kesejahteraan sosial keperluan semua warga



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof (empat, kanan) bergambar ramai pada Mesyuarat Ke-9 Menteri-Menteri ASEAN yang Bertanggungjawab terhadap Kemajuan Kesejahteraan Sosial dan Mesyuarat Berkaitan.

## Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

JAKARTA, INDONESIA, Jumaat, 30 September. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berkata, kerajaan mempelopori usaha-usaha melindungi dan mempromosi kesejahteraan sosial untuk

mempertahankan fungsi sosial. Menurut Yang Berhormat, kesejahteraan sosial pada utamanya bertujuan menjaga kebajikan mereka yang memerlukan berlandaskan lima teras, iaitu perlindungan, pemuliharaan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian. Kanak-kanak, orang kurang upaya,

warga tua, keluarga bermasalah, orang susah dan mangsa bencana merupakan golongan sasaran untuk diciptakan suasana atau keadaan yang memungkinkan mereka dapat menikmati hak-haknya sebagai warga negara dan mencapai kesejahteraan semaksimal mungkin.

Menurutnya, di Negara Brunei Darussalam, komponen utama kesejahteraan sosial adalah tersedia bagi keperluan semua warga. Dalam masa yang sama, kerajaan membangun

masyarakat ke arah kesejahteraan menerusi strategi mengubah sikap dan peningkatan keupayaan.

Yang Berhormat berucap semasa menghadiri Mesyuarat Ke-9 Menteri-Menteri ASEAN yang Bertanggungjawab terhadap Kemajuan Kesejahteraan Sosial dan Mesyuarat Berkaitan pada 29 hingga 30 September 2016 di Jakarta, Indonesia.

Dalam atur cara 'Retreat' Menteri-Menteri berbincang mengenai isu-isu yang paling mendesak dalam bidang ini dan bagaimana kepimpinan boleh memberi jalan keluar.

Mesyuarat yang bertemakan 'Strengthening Social Welfare Development in Pursuing ASEAN Community Vision 2025' melihat Menteri-Menteri meluluskan Pelan Tindakan 2016 - 2020 untuk kemajuan

pesat bidang yang menasaskan tahap kehidupan yang memuaskan bagi Komuniti ASEAN untuk hidup makmur di rantau yang aman.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Menteri Hal Ehwal Sosial, Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Khofifah Indar Parawansa.

Sementara itu, dalam Mesyuarat ASEAN +3 bidang yang sama, Yang Berhormat mengucapkan terima kasih kepada Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea yang tidak putus-putus mengadakan projek juga program kerjasama yang telah banyak memberikan manfaat serta pengalaman pada ASEAN.

Ucapan Yang Berhormat dibacakan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Yussof bin Haji Abdul Rahman.

Menurut Yang Berhormat, pengalaman Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea merencanakan penyediaan perumahan, kemudahan kesihatan dengan biaya yang terjangkau oleh daya beli masyarakat, akses pada pendidikan dan jaminan hari tua sehingga mereka tidak takut menghadapi masa tuanya pada saat tidak berdaya mencari nafkah boleh dipelajari dan disesuaikan dengan sistem negara masing-masing.

Walaupun bagi sesetengah negara ASEAN yang melihat progres *social welfare* mereka masih jauh dari harapan, tetapi keinginan dan kesungguhan ASEAN untuk memberikan kondisi rakyatnya dalam keadaan makmur dan dalam keadaan sihat serta damai mencetus semangat ke arah terpenuhnya keperluan material, spiritual juga sosial warga negara agar dapat hidup, layak dan mampu mengembangkan diri sehingga dapat melaksanakan fungsi sosialnya.

Negara Brunei Darussalam komited untuk bekerjasama dalam ASEAN ke arah tujuan yang murni ini.

## Persidangan Wanita Serantau 2016 pada 15 Oktober ini



YANG Di-Pertua Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSWNBD), Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin (tengah) ketika menjelaskan mengenai Persidangan Wanita Serantau 2016 anjuran PSWNBD dalam satu Sidang Media yang berlangsung di Hotel Orchid Garden.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Ahad, 2 Oktober. - Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSWNBD) buat julung-julung kalinya akan menganjurkan Persidangan Wanita Serantau 2016 selama sehari pada 15 Oktober ini bertempat di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Persidangan bertemakan 'Keperibadian Muslimah Misali Paksi Kecemerlangan Ummah' menasaskan seramai 500 peserta dari dalam dan luar negara.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Yang Di-Pertua PSWNBD, Pengiran Hajah Zabaidah binti Pengiran Haji Kamaludin dalam satu Sidang Media

berlangsung di Hotel Orchid Garden, di sini.

Menurut beliau, seramai lima orang penceramah dari dalam dan luar negara telah dijemput bagi membentangkan kertas kerja masing-masing iaitu Dr. Lily Suzana binti Haji Samsu dan Pengiran Dr. Hajah Nur Ashikin binti Pengiran Haji Petra dari Negara Brunei Darussalam; Ibu Kurnia Irawati Istadi dari Republik Indonesia; Dr. Norsaleha Mohd. Salleh dari Malaysia dan Suriati Abdullah dari Republik Singapura.

Antara tujuan utama persidangan ini ujarnya, adalah bagi mendalami kefahaman dan penghayatan tentang keperibadian Muslimah pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam selain menambah pengetahuan mengenai tokoh-tokoh Muslimah di Negara Brunei Darussalam dan serantau serta meneladani ketokohan mereka di samping meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai pelbagai bentuk cabaran terhadap belia Muslimah masa kini bagi menghadapi cabaran secara Islamik.

Ia juga bertujuan bagi memberikan inspirasi untuk menerapkan pemikiran bagi membudayakan amalan-amalan keperibadian Muslimah sejati ke arah membentuk generasi berwawasan serta membangkitkan kesedaran kepada generasi muda tentang kepentingan ilmu pengetahuan dalam mengukuhkan jati diri.

Pendaftaran dibukakan kepada sesiapa yang berminat termasuk perkhidmatan kerajaan, sektor swasta, persatuan, perseorangan dan para pelajar sama ada dari dalam mahupun luar negara.

Yuran pendaftaran adalah sebanyak BND30 bagi jabatan kerajaan dan sektor swasta; bagi perseorangan dan NGO ialah sebanyak BND20 dan BND5 bagi para pelajar.

Pendaftaran akan dibukakan sehingga pada hari persidangan berlangsung, namun jika membuat pendaftaran awal iaitu sebelum 5 Oktober 2016 jam 4.30 petang dan dibuat secara berkumpulan (melebihi 10 orang) akan mendapat diskaun sebanyak 10 peratus.

Untuk keterangan lanjut bolehlah menghubungi Dayang Zainab di talian +673 8866540; Dr. Hajah Hairuni di talian +673 8772502; Dayang Fazeda di talian +673 8870443 dan Dayang Hajah Gazala di talian +6738 741004.

## Berdakwah melalui pemberian bantuan

Dari muka 7

Yang Berhormat dan rombongan seterusnya mengunjungi kediaman Dayang Nur Haziah binti Abd. Rahman di Kampung Batang Duri, Mukim Amo bagi meninjau perusahaan kraf tangan, anyaman dan ternakan itik.

Dayang Nur Haziah merupakan salah seorang saudara baharu yang pernah menerima agihan wang zakat dari kumpulan penerima agihan wang zakat dari tahun 2009 hingga 2014 yang kini telah berjaya keluar dari lingkaran kemiskinan dan mampu berusaha dengan mengusahakan perusahaan kraf tangan dan menternak itik.

Bantuan yang diterima beliau itu telah digunakan dengan sebaiknya dengan melakukan pelbagai usaha untuk keluar dari lingkaran kemiskinan dan kumpulan penerima agihan wang zakat.

Kejayannya itu boleh dijadikan contoh kepada golongan asnaf fakir miskin yang lain khususnya dengan memanfaatkan bantuan yang diterima dengan meningkatkan usaha sekali gus mengeluarkan mereka dari lingkaran kemiskinan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama meneruskan lagi kunjungan ke rumah Awang Ghani bin Abdullah Berauh @ Gani anak Berauh dan Awang Rajali bin Abdullah Gana @ Gana anak Tibu di Kampung Batang Duri, Mukim Amo dan berkesempatan menyerahkan bantuan berupa barangan asasi.

Awang Ghani bin Abdullah Berauh @ Gani anak Berauh mempunyai seorang isteri dan empat orang anak yang mana beliau merupakan penerima bayaran sewa rumah.

Manakala Awang Rajali bin Abdullah Gana @ Gana anak Tibu dan isteri merupakan pengidap sakit Albino yang pada masa ini beliau merupakan penerima bantuan kewangan dan bayaran sewa rumah.

Dengan adanya bantuan-bantuan seumpama ini diharap para penerima akan dapat memanfaatkannya dengan sebaiknya dan menjadikan bantuan tersebut sebagai satu dakwah yang berkesan selain memudahkan lagi penerima dalam melaksanakan ibadah dengan sempurna.

Kesemua bantuan sumbangan yang diagihkan adalah diambil melalui Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin, Majlis Ugama Islam Brunei.

# KHEU beri perhatian fakir miskin dan mualaf



**TIMBALAN** Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (dua, kiri) ketika menyampaikan bantuan modal berupa peralatan cuci kereta kepada Awang Jamat@ Awangku Othman bin Pengiran Burut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Oktober. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memedulikan dan memelihara kesejahteraan dan kebajikan umat Islam khususnya asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu di negara ini.

Sehubungan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Pejabat-Pejabat Ugama Daerah-Daerah di Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong mengadakan Majlis Kunjungan dan Ramah Mesra serta Gotong-Royong ke Kediaman Asnaf Fakir Miskin dan Mualaf serentak di keempat-empat daerah

sempena menyemarakkan lagi Sambutan Awal Tahun 1438 Hijrah.

Hadir mengetuai rombongan pada majlis kunjungan itu bagi Daerah Brunei dan Muara ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Dato Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud yang seterusnya menyampaikan sumbangan berupa barang asasi dan wang tunai kepada Dayang Jariah binti Haji Bandul di kediamannya di No.12 Simpang 790, Kampung Jangsak.

Setelah itu, diikuti dengan penyerahan agihan modal berbentuk bantuan peralatan cuci kereta yang disampaikan oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama kepada Awang Jamat @ Awangku Othman bin Pengiran Burut di Bengkel

Cuci Kereta beliau bertempat di Kampung Batu Bersurat, Mukim Gadong.

Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama yang juga Naib Yang Di-Pertua MUIB kemudiannya telah berkesempatan bagi meninjau ke kediaman salah seorang saudara baharu, Dayang Syazwani binti Abdullah di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Mengkubau Mukim Mentiri.

Dayang Syazwani telah berjaya meningkatkan hasil pendapatan dan sara diri beliau yang bertitik tolak dari bantuan modal mesin gulali yang diberikan oleh PDI pada tahun 2014.

Pada majlis kunjungan tersebut, para rombongan turut mengadakan Kempen Kebersihan dan menyerahkan sumbangan sagu hati kepada Awang Kabur bin Abdul Lamit beralamat di Unit B2, Tingkat Bawah, Simpang 231, Bangunan 1 Hajah Sino dan Haji Abdul Latif, Kampung Pintu Malim, Kota Batu.

Usaha tersebut antara lain bertujuan bagi memedulikan dan memantau dari segi aspek perkembangan kehidupan asnaf fakir miskin seperti keperluan asasi persekolahan anak-anak mereka di samping aspek penglibatan mereka juga dalam bimbingan dan penghayatan ugama Islam khusus bagi saudara-saudara baharu.

Pada masa yang sama, ia juga bagi menzahirkan rasa pemedulian dan perhatian yang sewajarnya secara kolektif kepada asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu.

Hal ini dapat dilihat melalui keprihatinan pelbagai agensi kerajaan terhadap kebajikan saudara-saudara baharu dan golongan yang kurang berkemampuan di negara ini secara berterusan tanpa pernah sama sekali melupakan mereka.

## Memedulikan kesejahteraan fakir miskin dan mualaf



**TIMBALAN** Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Roslan bin Haji Taja'ah (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Dayang Hajah Basiah binti Lasim.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

**KUALA BELAIT**, Ahad, 2 Oktober. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan kunjungan dan ramah mesra bersama asnaf fakir miskin dan mualaf di Daerah Belait dalam sama-sama memedulikan dan memelihara kesejahteraan golongan tersebut sebagai menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kunjungan dan ramah mesra itu adalah sempena menyambut Awal Tahun 1438 Hijrah yang membawa tema 'Harta Berkat Negara Selamat'.

Hal ini dapat dilihat melalui keprihatinan pelbagai agensi kerajaan terhadap kebajikan mualaf dan golongan yang kurang berkemampuan di negara ini secara berterusan tanpa pernah sama sekali melupakan mereka.

Bagi menzahirkan rasa pemedulian dan perhatian yang sewajarnya secara

kolektif kepada asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu dan bersempena dengan menyemarakkan lagi Sambutan Awal Tahun 1438H, KHEU melalui agensi-agensinya seperti Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei dan Pejabat-Pejabat Ugama Daerah-Daerah di Brunei Muara, Tutong, Belait dan Temburong telah mengadakan Majlis Kunjungan dan Ramah Mesra serta Gotong-Royong ke Kediaman Asnaf Fakir Miskin dan Mualaf di keempat-empat daerah.

Usaha tersebut antara lain bertujuan bagi memedulikan dan memantau dari segi aspek perkembangan kehidupan asnaf fakir miskin seperti keperluan asasi persekolahan anak-anak mereka dan dalam aspek penglibatan mereka dalam bimbingan dan penghayatan ugama Islam bagi saudara-saudara baharu.

Majlis Kunjungan dan Ramah Mesra serta Gotong-Royong bersama Asnaf

Fakir Miskin dan Mualaf di Daerah Belait telah diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Roslan bin Haji Taja'ah.

Pelita Brunei telah menemu bual salah seorang penerima berupa bantuan makanan kepada Dayang Hajah Basiah binti Lasim bersama anaknya, Dayang Norhana binti Haji Basrih yang tinggal di Kampung Lumut, mereka sama-sama melahirkan rasa gembira atas kunjungan tersebut.

Bersama kunjungan itu juga Dayang Hajah Basiah mengambil kesempatan melahirkan hasrat untuk mendapat bantuan berupa sebuah rumah yang selesa kerana telah lebih daripada 30 tahun menduduki rumah yang sudah kian usang dan tidak selamat untuk didiami.

Anaknya, Dayang Norhana juga melahirkan harapan dan hasratnya ingin untuk melihat ibunya segera dapat mendiami rumah bantuan sebelum ibunya menutup mata kerana selama hari ini sudah puas melihat ibunya menanggung sabar yang berat kerana terpaksa meneruskan hidup serba serbi dalam keadaan yang sangat menyedihkan.

Pelita Brunei juga menemu bual Timbalan Setiausaha Tetap KHEU yang antara lain menjelaskan, dalam sama-sama membantu dan memantau hasrat harapan masyarakat Kategori Asnaf Fakir dan Miskin dan Mualaf, ia akan dikaji nilai terlebih dahulu.

Dengan adanya bantuan-bantuan seumpama itu diharap para penerima akan dapat memanfaatkannya dengan sebaiknya dan menjadikan bantuan tersebut sebagai satu dakwah yang berkesan selain memudahkan lagi penerima dalam melaksanakan ibadah dengan sempurna.

Kesemua bantuan sumbangan yang diagihkan pada majlis-majlis tersebut adalah diambil melalui Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin Majlis Ugama Islam Brunei.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Azmah Haji Ahad

Dengan adanya bantuan-bantuan seumpama itu diharap para penerima akan dapat memanfaatkannya dengan sebaiknya dan menjadikan bantuan tersebut sebagai satu dakwah yang berkesan selain memudahkan lagi penerima dalam melaksanakan ibadah dengan sempurna.

Kesemua bantuan sumbangan yang diagihkan pada majlis tersebut adalah diambil melalui Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin MUIB.

Dayang Jariah dan Awang Jamat @ Awangku Othman semasa ditemu bual Pelita Brunei berasa terharu dan berterima kasih kepada pihak kerajaan atas sumbangan tersebut.

"Bengkel ini dibuka sejak tahun 2008 dan usaha ini menjamin masa hadapan dalam memberi perbelanjaan anak bini," jelas Awang Jamat @ Awangku Othman yang kini mempunyai seramai empat orang pekerja tempatan.

## Kebajikan asnaf fakir miskin, mualaf sentiasa dipedulikan



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof (kanan) menyampaikan sumbangan melalui Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin Majlis Ugama Islam Brunei kepada penerima di Daerah Tutong.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**TUTONG**, Ahad, 2 Oktober. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memedulikan dan memelihara kesejahteraan dan kebajikan umat Islam khususnya asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu di negara ini.

Hal ini dapat dilihat melalui keprihatinan pelbagai agensi kerajaan terhadap kebajikan saudara-saudara baharu dan golongan yang kurang berkemampuan di negara ini secara berterusan tanpa pernah sama sekali melupakan mereka.

Bagi menzahirkan rasa pemedulian dan perhatian yang sewajarnya secara kolektif kepada asnaf fakir miskin dan saudara-saudara baharu, dan bersempena dengan menyemarakkan lagi Sambutan Awal Tahun 1438 Hijrah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui agensi-agensinya seperti Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Majlis Ugama Islam Brunei dan Pejabat-Pejabat Ugama Daerah-Daerah di Brunei Muara, Tutong, Belait dan Temburong telah mengadakan Majlis Kunjungan dan Ramah Mesra serta Gotong-Royong ke Kediaman Asnaf Fakir Miskin dan Mualaf di keempat-empat daerah.

Usaha ini antara lain bertujuan bagi memedulikan dan memantau dari segi aspek perkembangan kehidupan asnaf fakir miskin seperti keperluan asasi persekolahan anak-anak mereka, dan aspek penglibatan mereka dalam bimbingan dan penghayatan ugama Islam bagi saudara-saudara baharu.

Hadir bagi menyertai Majlis Kunjungan dan Ramah Mesra serta Gotong-Royong bersama Asnaf Fakir dan Miskin dan Saudara-saudara Baharu sempena Sambutan Awal Tahun 1438H bagi Daerah Tutong ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Di daerah ini, sebanyak dua orang penerima asnaf fakir miskin menerima sumbangan iaitu, Dayang Siti Huzaimah binti Sani dari Kampung Kiudang dan Dayang Hajah Munah binti Haji Momin dari Kampung Luagan Timbaran.

Dengan adanya bantuan-bantuan seumpama ini diharap para penerima akan dapat memanfaatkannya dengan sebaiknya dan menjadikan bantuan tersebut sebagai satu dakwah yang berkesan selain memudahkan lagi penerima dalam melaksanakan ibadah dengan sempurna.

Kesemua bantuan sumbangan yang diagihkan pada majlis-majlis tersebut adalah diambil melalui Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin Majlis Ugama Islam Brunei.

Tema Majlis Sambutan Awal Tahun 1438H ialah 'Harta Berkat Negara Selamat'.

# سورۃ سوری

## إسلام ممدغ مليا توکس سئورغ کورو

إخلاص دالم منديديق دان مبيبيغ فلاجر مريك. دغن جارا يغ دمكين اكن منجاديکن مريك کورو يغ صير دان تابه دالم معهادتي اف جوا سيتواسي دان كرينه أنق ديديق مريك.

مسلمين يغ درحمي الله،

فلاجر هاري اين اداله قميمقين هاري يسوق، مك كورو ۲ برتغكوغجواب انتوق ممستين كيلمانن، كآمانن، كمعموران دان جاتي ديري يغ دميليكي اوله بغسا بروني اكن دافة تروس دتائي دان دفركوکوه دغن إلتزام يغ تيغكي سباكي اجيندا أوتام انتوق مفرکاس كأوقيان بغسا كيت. دغن يغ دمكين بغسا دان نكارا بروني اكن ممفو انتوق دودوق سام رنده دان برديري سام تيغكي دغن بغسا ۲ دان نكارا لاین ددنیا این.

اوله ايت، مليهت كغد بسرڻ جاس سئورغ کورو كغد مشاركة، بغسا دان نكارا، مك سوده سواجرن مريك دحرماتي، دكاسيهي دان دهرکايي. بهکن إسلام ممدغ مليا توکس سئورغ کورو دان مريك جوک تله دجنجیکن کنجارن يغ ساعة بسر درغد الله سبحانه وتعالى. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة المجادلة آية ۱۱:

تفسيرن:

الله منيغكيکن اورغ ۲ يغ برلمان أنتارا کامو دان اورغ ۲ يغ ديري علم فتهوان اکام براف درجه. دان الله مها تليتي ترهادف اف يغ کامو کرچاکن.

دان رسول الله صلى الله عليه وسلم جوک برسبدا:

مقصودن:

دري أبي الدرء اي برکات: ساي مندغر رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا: دان سسغکوهن قارا علماء اداله فواريت قارا ني. دان سسغکوهن قارا ني تيدق موارينکن أومتن دغن واغ ريغکيت، تتاني مريك موارينکن علم فتهوان. { رواه الإمام ابو داؤد }

مسلمين يغ درحمي الله،

سسغکوهن جاس کورو ايت ساعة بسر دان أمة برنيلاي، کران جاس کورو کيت منجادي انسان يغ فندي يغ فندي دان برعلم سرت برکونا كغد مشاركة، اکام، بغسا دان نكارا.

آخرن سام له کيت بردعاء كحضرة الله سبحانه وتعالى أکر قارا کورو سنتياس دليمقهکن توفيق دان هدايه دالم منجانکن توکس دان تغکوغجواب مريك تراوتام دالم منديديق أنق بغسا، سکاليکوس دافة منجاديکن نكارا کيت ماجو دان أمان معمور. دان سام له کيت بردعاء سموک قارا کورو دان فنديديق اکن سنتياس مندافة رحمة، فتنحوق دان فرتولوغن درغد الله سبحانه وتعالى. آمين يا رب العالمين.

تفسيرن:

سبنن يغ مناروه ييمغ دان تاكوت ملغکر قرينته الله دري کلاغن

همبا ۲۸ هابله اورغ ۲ يغ برعلم. سسغکوهن الله مها کواس، لاکي مها

فتمقون. { سورة فاطر آية: ۲۸ }

مسلمين يغ درحمي الله،

ماريله کيت منيغکنکن کتقوان کيت کغد الله سبحانه وتعالى دغن فنوه کيقين دان کإخلاصن دغن ملاکوکن سکل سوروهنن دان منيغکلکن سکل لاراغنن. مدهمدهن کيت منجادي انسان يغ برلمان دان برتقوي سرت سلامة دنيا دان سلامة دآخرة.

مسلمين يغ درحمي الله،

الحمد لله قد ستيف تاهون، نكارا اکن ميموت سموتن هاري کورو. اي مروفان ساتو فغاعترافن يغ تيغكي کغد کورو يغ تله برجاس ترهادف فمباغونن مشاركة دان نكارا. بهکن قد ستيف تاهون أنکره کورو جمرلغ دان سباکين جوک ديريکن کغد کورو يغ ترقيليه سباکي فغهرکان ترهادف جاس بقتي کورو يغ برکواليتي تيغكي دالم ميمويغ کغد کجرلغن فنديديقن. واجرله کيت ملتقن تارف کورو سباکي انسان يغ مليا کران کورو اداله سئورغ يغ ممفوياتي علم فتهوان دان سزوسن منديديق کيت سهغک منجادي انسان يغ برکونا کغد بغسا دان نكارا.

فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة الزمر آية ۹:

أعوذ بالله من الشيطان الرجيم

تفسيرن:

کاتکنله: اداکه سام اورغ ۲ يغ متهوي دغن اورغ ۲ يغ تيدق متهوي؟ سسغکوهن اورغ ۲ يغ ممغيل فجاجران هابله اورغ ۲ يغ ممفوياتي عقل يغ دافة ميکير دان ممامين.

کنهويه علم تيدق اکن دفرأوليهي جک تيدق دجاري دان دفلاجري. اوله ايت سما اورغ فرلو برأوسها منجاري دان مننوت علم سابق موغكين دان تروس منيغکنکن دري ماس کسماس. مک کورو اتو فنديديق ممپينکن فرانن يغ ساعة بسر دان دفرلوکن انتوق مبيبيغ کيت دان جنراسي سزوسن انتوق منجادي انسان يغ برعلم دان برأخلاق مليا. جسترؤ کورو هندقله برصفة أمانه ترهادف اف يغ تله دفرتغکوغجوابکن کغد مريك. کران کورو يغ بيحسان اکن دافة ملاهيرکن جنراسي برواوسن يغ اکن منجورق کجرلغن دان ککميلغن بغسا دان نكارا.

سسغکوهن کورو يغ برکواليتي اداله کورو يغ دافة منجادي " رول مودل " ( ROLE MODEL ) کغد قارا فلاجر دان ممفوياتي أخلاق مليا، سنتياس منيغکنکن علم فتهوان، برموتيباسي تيغكي، کرياتيف ( KREATIF )، إنبواتيف ( INOVATIF ) دان إيفيکتيف ( EFEKTIF ) دالم فجاجرانن، مگکوناکن قلباكي سزاتيحي دان قائده فجاجران يغ برکسن دان سزوسن سنتياس برأوسها مفربايكي موتو فجاجران مريك دري سماس کسماس.

سلاین ايت، اف يغ قالينغ فتنينغ اداله قارا کورو هندقله تولوس

# YSHHB anjur Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah



**TIMBALAN** Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Abu Bakar, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Ahli Jawatankuasa Sukarelawan YSHHB (tiga, kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan bacaan Surah Yaa Siin, khusus bagi pelajar yang mengikuti Kelas Tuisyen di bawah Program 'Intervention' Pendidikan (PIP) YSHHB, Daerah Tutong.

**TUTONG.** - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengendalikan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan bacaan Surah Yaa Siin pada Jumaat, 30 September, khusus bagi pelajar yang mengikuti Kelas Tuisyen di bawah Program 'Intervention' Pendidikan (PIP) YSHHB bagi daerah ini yang akan menduduki peperiksaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Abu Bakar, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Ahli Jawatankuasa Sukarelawan YSHHB.

Juga hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim, selaku Pengerusi Bersama PIP Jawatankuasa Sukarelawan YSHHB; Pemangku Penolong Pengarah Urusan YSHHB, pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan serta pegawai dan kakitangan YSHHB.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

Majlis yang sama juga turut diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin bagi pelajar yang mengikuti Kelas Tuisyen di bawah PIP YSHHB bagi Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Temburong, juga di Masjid Kampung Pandan 7 bagi pelajar di Daerah Belait.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Mohd. Fauzi bin Haji Anuar.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sijil penghargaan pada sekolah-sekolah yang digunakan sebagai Pusat Tuisyen PIP di Daerah Tutong yang disampaikan oleh tetamu kehormat kepada Pengetua Sekolah Menengah Sufri Bolkiah dan Pengetua Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Dalam pada itu, Projek Kelas Tuisyen di bawah PIP YSHHB ini merupakan kerjasama di antara


YSHHB dan Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Kelas Tuisyen tersebut dikendalikan oleh para sukarelawan yang berdaftar di Unit Sukarelawan.

Program tersebut diadakan bertujuan untuk menyuntik kesedaran, komitmen dan rasa tanggungjawab kepada para ibu bapa serta penjaga juga peserta Projek Kelas Tuisyen betapa pentingnya pendidikan bagi menjamin masa depan mereka.

YSHHB ditubuhkan sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda, iaitu sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda, di samping menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

## Dua pelajar YSHHB tandatangani Kontrak Perjanjian Biasiswa Khas



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dan Pengerusi Jawatankuasa Sukarelawan YSHHB (empat, kiri) bersama para pelajar terpilih Dayang Nurul Nabilah binti Md. Basuni dan Dayang Siti Nurasinah binti Mohammad Hamirul Azri dalam sesi bergambar ramai selepas menandatangani kontrak.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Dua pelajar yang terpilih untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dengan semua kos perbelanjaan dibiayai oleh Yayasan berkenaan bermula pada sesi persekolahan tahun 2016.

Pelajar-pelajar tersebut, iaitu Dayang Nurul Nabilah binti Md. Basuni dan Dayang Siti Nurasinah binti Mohammad Hamirul Azri merupakan peserta-peserta Projek Kelas Tuisyen di bawah Program 'Intervention' Pendidikan (PIP) bagi tahun lepas yang mendapat keputusan Peperiksaan PSR dengan cemerlang.

Sehubungan itu, majlis Menandatangani Kontrak Perjanjian Biasiswa Khas bagi Sesi 2016 - 2020 di antara pihak YSHHB dengan pelajar-pelajar yang terpilih telah diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara pada hari Jumaat, 30 September.

Menandatangani bagi pihak YSHHB ialah Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail dan Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Awang Haji Puasa

bin Haji Jumat.

Turut menyaksikan, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB dan Pengerusi Jawatankuasa Sukarelawan YSHHB.

Terdahulu, Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah serta bacaan Surah Yaa Siin diadakan khusus bagi pelajar yang mengikuti Kelas Tuisyen di bawah PIP bagi Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Temburong yang akan menduduki peperiksaan pada tahun ini.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan bacaan Doa Selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan pada sekolah-sekolah yang digunakan sebagai Pusat Tuisyen PIP di Daerah Brunei dan Muara serta Daerah Temburong yang disempurnakan oleh

Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd. Hanifah, selaku Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Sukarelawan YSHHB.

Sekolah-sekolah tersebut ialah Sekolah YSHHB, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong, Universiti Brunei Darussalam, Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bukok, Temburong dan Sekolah Rendah Sultan Hassan, Bangar, Temburong.

Turut hadir, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan serta pegawai dan kakitangan YSHHB.

YSHHB telah melaksanakan Projek Kelas Tuisyen di bawah PIP sebagai salah satu inisiatif bertujuan untuk mengenal pasti anak-anak daripada keluarga yang berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan yang memerlukan bimbingan rapi dalam bidang akademik.

Ia bagi memastikan mereka dapat meneruskan pengajian dengan sempurna hingga ke peringkat lebih tinggi.

Projek Kelas Tuisyen ini adalah kerjasama di antara YSHHB dan Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan serta dikendalikan oleh para sukarelawan yang berdaftar di Unit Sukarelawan.

## Festival Hijrah terus dapat sambutan

Berita dan Foto : Ihsan Battle Pro Marketing & Management Services

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Festival Hijrah pada hari kedua terus mendapat sambutan daripada kunjungan orang ramai di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah pada hari Jumaat, 30 September.

Pelbagai aktiviti sampingan diadakan bagi memeriahkan lagi festival berkenaan seperti Peraduan Tulisan Jawi dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori 'A' bagi umur 8 tahun ke bawah dan Kategori 'B' bagi umur 9 tahun hingga 12 tahun serta Peraduan Membina Ayat Hijyahiyah dan Peraduan Teka Lagu Nasyid.

Selain itu, sebanyak 26 penyertaan Kategori Solo dan Kumpulan bagi Pertandingan Nasyid Nostalgik Era 90-an bertanding pada pusingan saringan dan lima tempat terbaik akan mara ke peringkat akhir pada 2 Oktober dan diselenggarakan dengan penyampaian hadiah.

Terdapat 50 petak usahawan-usahawan tempatan dan juga dari Malaysia yang mengikuti festival berkenaan dengan pelbagai barang yang dijual termasuk baju kanak-kanak, jubah dewasa, telekung, tudung dan bermacam lagi.

Selain menggalakkan berbelanja di negara sendiri, orang ramai juga berpeluang mengikuti aktiviti-aktiviti yang diadakan sepanjang ia berlangsung.

Orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung dan memeriahkan festival bersama keluarga sekali gus menggalakkan untuk berbelanja di negara sendiri.



**PERTANDINGAN** Nasyid Nostalgik Era 90-an sesi pertama peringkat saringan.

# Berangkat ke Majlis Sambutan Awal Tahun 1438 Hijrah Peringkat Negara



Dari muka 4

Manakala Tazkirah Hijrah yang disampaikan oleh Pegawai Agama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Abdul Rahman menjelaskan mengenai hijrah yang merupakan sejarah agung terjadi atas perintah dan izin Allah Subhanahu Wata'ala. Iktibar peristiwa hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sahabat Baginda, Sayyidina Abu Bakar As-Siddiq jelasnya, perjuangan Islam memerlukan pemimpin dan pendamping atau pembantu yang

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah pada majlis sambutan tersebut termasuk dari kalangan kanak-kanak yang sama-sama menghayati Sambutan Awal Tahun 1438 Hijrah.

semestinya memiliki status istimewa yang berpangkat ahli iman, ahli takwa, ikhlas, amanah, taat setia dan ahli fikir.

Katanya, ciri yang sangat penting dalam Islam dan negara adalah elemen iman seperti yang dimiliki oleh Sayyidina Abu Bakar yang patut kita contohi, selain mempunyai sikap mentaati, mencintai dan kasih kepada pemimpin.

Bagi memohon keberkatan majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Sembahyang berjemaah dan Doa Kesyukuran bagi menyambut kedatangan Awal Tahun 1438H juga turut diadakan di masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadat di seluruh negara.

'Harta Berkat Negara Selamat' merupakan tema Majlis Sambutan Awal Tahun 1438H kali ini.



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda baginda, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel berkenan bersama-sama membaca Doa Akhir Tahun 1437H yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal (atas).

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda baginda bersama para jemaah yang hadir menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Dato Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar yang juga memimpin bacaan Doa Awal Tahun 1438H (kanan dan kiri).



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Masri Osman, Hamzah Mohidin, Muhammad Asri Haji Awang Abas



MENTERI Hal Ehwal Agama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, selaku Pengerusi serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1438H menyebarkan ucapan alu-aluan (kiri). Sementara Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (tengah). Manakala Tazkirah Hijrah telah disampaikan oleh Pegawai Agama Kanan, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Abdul Rahman (kanan).

**BAGI** menyerikan suasana sambutan, bacaan ayat-ayat suci Al-Quran telah disampaikan oleh Awang Md. Rohaiddi bin Johadi, johan qari Kategori Alif, Peraduan Membaca Al-Quran Peringkat Akhir Negara bagi Murid-murid Sekolah-sekolah Arab Ke-52, Tahun 1437H/2016M, manakala kesimpulan maknanya dibacakan oleh Pegawai Pelajaran di Kementerian Hal Ehwal Agama, Awang Mohammad Nur Hadi bin Ismail @ Taib (kiri).

**SEBANYAK** 21 das tembakan meriam dilepaskan di pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah sebagai menandakan Awal Tahun 1438H (kanan).





### IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

#### Syarat-Syarat Am:

- Pemohon hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dipelawa daripada pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau jabatan-jabatan kerajaan sahaja (Bagi iklan menggunakan Peraturan 38 sahaja).
- Pemohon mempunyai pengetahuan keramasian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara begilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan- rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

#### MAKLUMAN PELANJUTAN IKLAN

PERATURAN 7A - BILANGAN IKLAN 58/09/16 (SPA/BIKL)  
TARIKH IKLAN - 21 SEPTEMBER 2016 TARIKH TUTUP - 05 OKTOBER 2016  
ADALAH DILANJUTKAN TARIKH TUTUPNYA KEPADA 08 OKTOBER 2016

1. PEGAWAI PELAJARAN G.13 BAHAGIAN II JABATAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN ESTET KEMENTERIAN PENDIDIKAN	2. PEGAWAI PELAJARAN G.13 BAHAGIAN II UNIT PENDIDIKAN KHAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN
--	---

PERATURAN 38 A - BILANGAN IKLAN 29/09/16 (SPA/BIKL)  
TARIKH IKLAN - 14 SEPTEMBER 2016 TARIKH TUTUP - 05 OKTOBER 2016  
ADALAH DILANJUTKAN TARIKH TUTUPNYA KEPADA 08 OKTOBER 2016

1. PENOLONG JURUUKUR AGUNG KUMPULAN 3 BAHAGIAN I JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
---

PERATURAN 38 B - BILANGAN IKLAN 29/09/16 (SPA/BIKL)  
TARIKH IKLAN - 14 SEPTEMBER 2016 TARIKH TUTUP - 05 OKTOBER 2016  
ADALAH DILANJUTKAN TARIKH TUTUPNYA KEPADA 08 OKTOBER 2016

1. PEGAWAI LATIHAN B.2 EB.3 / B.2 BAHAGIAN II INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI	2. PENGAWAS KENDERAAN C.2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN PERDANA MENTERI
--	--



### IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

UNTUK MENGETAHUI DENGAN LEBIH LANJUT SYARAT-SYARAT KELAYAKAN DAN TUGAS-TUGAS SERTA TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN BERKENAAN SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

#### PEMBERITAHUAN

#### PERUBAHAN TATACARA PENERBITAN IKLAN BAGI PERATURAN 7(A), 38(A) DAN 38(B)

Mulai daripada 04 Mac 2015, pengiklanan jawatan kosong sama ada melalui Peraturan 7(A), 38(A) dan 38(B) akan diiklankan secara serentak dan dikeluarkan 3 kali seminggu iaitu pada setiap hari Isnin, Rabu dan Sabtu.

#### TATACARA PERMOHONAN BAGI ORANG RAMAI DAN WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

##### Penggunaan kali pertama:

- Semua pemohon hendaklah mempunyai akaun e-Darussalam. Bagi yang belum mempunyai akaun, hendaklah mendaftar akaun e-Darussalam di [www.gov.bn](http://www.gov.bn). Setelah mendapatkan *username* dan *password* akaun e-Darussalam, pemohon bolehlah mendaftar masuk ke Portal PSC Recruitment.
- Sila pastikan awda memasukkan e-mel yang betul dan aktif semasa membuat pengesahan di PSC Recruitment.
- Melengkapkan ruangan 'Profil Saya' (*My Profile*) dan memuatnaik siji-siji atau dokumen-dokumen dalam format pdf mengikut peringkat kelulusan atau jenis dokumen.

##### Penggunaan Seterusnya:

- Awda boleh mengemaskini profil awda pada bila-bila masa, jika perlu.
- Untuk melihat jawatan yang diiklankan awda boleh memilih 'Carian Pekerjaan' (*Search Job*) atau lihat jawatan 'Atas 5 Kekosongan' (*Top 5 Vacancies*) atau klik 'Carian Lanjutan' (*Advance Search*) dan bagi membuat permohonan klik 'Pohon' (*Apply*).
- Panggilan ujian, temuduga atau keputusan permohonan akan dihantar ke e-mel awda melalui PSC Recruitment.
- Permohonan yang DIHADAPKAN SELEPAS tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.

##### Maklumat Tambahan:

- Semua kelulusan, sijil-sijil kecakapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah **diiktiraf** oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. (selepas ini dipanggil Kerajaan).
- Kepujian (kredit) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa hendaklah diperolehi dalam tempoh **dua (2) tahun berturut-turut**.
- Kemudahan Komputer dan Mesin Imbas (Scanner) ada disediakan bagi kegunaan orang ramai seperti berikut:-
  - Pejabat Daerah Belait;
  - Pejabat Daerah Temburong.
  - Jabatan Bandaran Daerah Tutong.

#### PERINGATAN TAMBAHAN KEPADA WARGA PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM:

- Sentiasa memastikan maklumat awda di dalam Rekod Perkhidmatan GEMS adalah tepat dan terkini.
- Permohonan yang telah dihadapkan akan disalurkan terlebih dahulu secara *online* kepada Pegawai Penghubung atau PoC Kementerian / Jabatan masing-masing.
- Laporan Sulit mengenai peribadi, mutu kerja pemohon dan sebagainya hendaklah dimuatnaik oleh PoC ke dalam Portal PSC Recruitment.
- Bagi Pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.
- Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun, hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** selama tempoh perkhidmatannya.

#### SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI:

PSC RECRUITMENT: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL [info@123.com.bn](mailto:info@123.com.bn)

E-DARUSSALAM: TALIAN E-DARUSSALAM DI TALIAN 123 ATAU E-MEL [info@123.com.bn](mailto:info@123.com.bn)

GEMS: +6732382407 ATAU E-MEL [gems.helpdesk@psd.gov.bn](mailto:gems.helpdesk@psd.gov.bn)

UNTUK MEMBACA MAKLUMAN ATAU SOALAN LAZIM SILA LAYARI: [www.spa.gov.bn](http://www.spa.gov.bn), [recruitment.gov.bn](http://recruitment.gov.bn) & FACEBOOK Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam-Brunei



### JABATAN TENAGA DAN PERINDUSTRIAN JABATAN PERDANA MENTERI

TAJUK SEBUT HARGA :  
**RUBBISH COLLECTION, CONCRETE WORKS AND PLASTER  
WORKS AT HALAL SCIENCE AND METROLOGY CENTRE,  
KG. ANGGEREK DESA**  
BILANGAN TAWARAN :  
**EID/SEBUTHARGA/2016-2017/23**

TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi dan dialamatkan kepada :

Pengerusi  
Jawatankuasa Sebut Harga  
Jabatan Tenaga dan Perindustrian  
Jabatan Perdana Menteri  
Jalan Jabatan Perdana Menteri, BB3913  
Negara Brunei Darussalam.

Dokumen tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam

#### Peti Tawaran

yang telah disediakan di

Tingkat Basement 1, Jabatan Tenaga dan Perindustrian  
Jabatan Perdana Menteri

Jalan Jabatan Perdana Menteri.

**Tidak lewat** dari tarikh dan masa yang ditetapkan di bawah ini.

**Bilangan sebut harga dan tajuk sebut harga** hendaklah dinyatakan di hujung sebelah kiri sampul surat berkenaan.

Cagaran : **BND5.00 (untuk satu dokumen tawaran.**

Wang cagaran tidak akan dikembalikan).

**Tarikh tutup sebut harga : 15 Oktober 2016 (Hari Sabtu)**

**Jam : tidak lewat jam 2.00 Petang**

Dokumen-dokumen sebut harga bolehlah diperolehi di **Penyambut Tetamu, Tingkat Basement 1, Jabatan Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri, Jalan Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam** pada waktu bekerja, Isnin hingga Khamis, dari jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang dan Sabtu, 8.00 Pagi hingga 10.00 Pagi.



### JABATAN TENAGA DAN PERINDUSTRIAN JABATAN PERDANA MENTERI

#### TAWARAN EXPRESSION OF INTEREST (EOI) BAGI PAMERAN KERJAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2016

JABATAN Tenaga dan Perindustrian, Jabatan Perdana Menteri akan menganjurkan Pameran Kerjaya Peringkat Negara selama tiga hari bermula **26 hingga 28 November 2016, bertempat di BRIDEX Hall 1 dan 2.**

Objektif utama pameran ini adalah untuk memberi peluang kepada pencari kerja tempatan yang berminat untuk memohon pelbagai pekerjaan pada semua peringkat kemahiran dan juga memberikan kesedaran tentang kewujudan peluang-peluang pekerjaan di pelbagai industri di negara ini. Pameran Kerjaya ini dihasratkan sebagai penggalak pada pembangunan pekerjaan tempatan.

Dalam hal ini, Unit Dasar dan Perancangan Tenaga Manusia (MPPU) dengan sukacita menjemput syarikat-syarikat tempatan yang berkelayakan dalam industri pengurusan acara khususnya usahawan belia untuk menghadapkan EOI bagi menyelaras dan menyediakan perkhidmatan yang bersesuaian bagi acara Pameran Kerjaya Peringkat Negara tersebut.

Borang permohonan dan maklumat lanjut boleh diperolehi di laman sesawang kami, <http://www.ei.gov.bn/SitePages/MPPU%20Job%20Fair.aspx> atau hubungi kami melalui talian +673 2384488 sambungan 1412.

Tarikh menghantar EOI adalah **tidak lewat daripada hari Rabu, 5 Oktober 2016, jam 9.00 Pagi** dan bolehlah dihantarkan melalui e-mel [Brunei.jobfair@jpm.gov.bn](mailto:Brunei.jobfair@jpm.gov.bn) atau hantar terus ke :

Unit Dasar dan Perancangan Tenaga Manusia (MPPU)  
Jabatan Tenaga dan Perindustrian  
Jabatan Perdana Menteri  
Bandar Seri Begawan, BB3913  
Negara Brunei Darussalam.

(PERHATIAN : Expression of Interest bagi  
Pameran Kerjaya Peringkat Negara)



**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI  
DAN PERDAGANGAN**

**JABATAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN  
ANTARABANGSA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN**

INTERNATIONAL Oil Pollution Compensation Funds (IOPC) memakluman mengenai jawatan kosong:-

**Jawatan : Finance Manager, Office of the Director  
Tempat : London, United Kingdom.**

Untuk makluman pemohon yang berminat hendaklah mengisikan borang 1992 Fund Personal History Form yang boleh didapati di laman sesawang [www.iopcfund.org](http://www.iopcfund.org) dengan lengkap dan dihantar kepada IOPC Fund Secretariat sebelum **31 Oktober 2016**.



**JABATAN TANAH  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**MENGENALKAN MAKLUMAT PENDAFTARAN  
PEMILIKAN TANAH  
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SEJAK Projek Peralihan Sistem Pendaftaran Tanah secara manual kepada Sistem Pendaftaran Tanah berkomputer pada tahun 1985, didapati sebahagian dari pemilik-pemilik tanah berdaftar yang tidak diketahui bilangan Kad Pengenalannya telah didaftar menggunakan Kod Pengenal Sementara seperti berikut :

1. Kod D : pemilik tanah yang meninggal semasa pendaftaran; dan
2. Kod Z : pemilik tanah yang masih hidup semasa pendaftaran

Penggunaan kod pengenal sementara ini adalah bagi melicinkan pelaksanaan projek berkenaan dan masih digunakan hingga sekarang. Maklumat pendaftaran pemilikan tanah tidak dapat dikemaskini dan tidak ada pengemaskinian dibuat disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

1. Tidak ada sebarang transaksi dan urusan tanah *land transactions* dibuat ke atas lot-lot yang dimiliki.
2. Jabatan Tanah menghadapi kesulitan dalam mengesan pemilik-pemilik tanah sebenar dalam usaha mengemaskini maklumat-maklumat dalam Sistem Pendaftaran Tanah.

"Dalam erti kata, pihak sekolah tidak melihat kelulusan guru semata-mata tetapi yang lebih utama ialah komitmen yang tinggi terhadap tugas. Kami menangani keperluan guru berkualiti tinggi dalam pengajaran, pencapaian akademik berkualiti tinggi untuk menyusur Wawasan Negara 2035. Dalam konteks sekolah, batasan masa 19 tahun mendatang, pihak sekolah seharusnya menyediakan pelajar yang mempunyai asas yang kukuh dalam pelbagai bidang termasuk literasi dan numerasi," ujarnya.

Majlis turut diserikan dengan

persembahan pentas murid-murid dari Tadika Satu hingga Tahun 5.

Pada majlis tersebut, tiga orang guru telah terpilih menerima penghargaan Anugerah 'The Most Outstanding Performance', manakala 13 guru lagi menerima Anugerah 'Special Mention'.

Anugerah yang baru diadakan pada sambutan tahun ini oleh pihak sekolah adalah sebagai memberi penghargaan kepada guru-guru yang dikenal pasti dari pemantauan selama dua tahun iaitu dari 2015 hingga 2016 yang menunjukkan komitmen berkualiti secara konsisten.

Sementara itu, Guru Sukan Sekolah PGGMB, Awang Muhd Aleem Mushtaq berasal dari Pakistan berkata, sambutan seumpama ini akan tetap menjadi wadah bagi kita mengenang dan menghargai jasa-jasa para guru di

negara ini, selaku pengasas dan pencetus kejayaan bangsa.

"Ia merupakan sebagai tanda penghargaan kepada semua warga guru atas sumbangan berharga kepada pembangunan serta juga perkembangan sumber tenaga manusia khususnya dalam meneruskan komitmen selaku guru secara tulus ikhlas pada menyumbangkan apa sahaja yang terbaik dalam pendidikan negara.

"Tugas mendidik atau mengajar, bukanlah satu kerjaya atau profesion biasa, tetapi ia satu kewajipan besar lagi mencabar demi negara. Ia akan menjadi ibadat istimewa sekiranya ia ditunaikan dengan sebaik-baiknya. Kerana itu walaupun ia berat, namun bagi mereka yang memahami hikmatnya, akan tetap menggemari serta berasa puas dengan peranan guru, di mana kepuasan itu pula akan lebih teruja lagi apabila mendapati anak-anak didik memperoleh kejayaan dan cemerlang dalam pelajaran," terang beliau.

## Berganding bahu menggembleng tenaga bina generasi berwawasan



SEBAHAGIAN tenaga pengajar dan pegawai dari Pejabat Pengajian Islam Daerah Temburong yang menyertai Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab sempena Hari Guru Ke-26 bagi Tahun 1437 Hijrah / 2016 Masihi yang berlangsung di Dewan Sekolah Persediaan Arab Temburong, Pekan Bangar.

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

**TEMBURONG**, Sabtu, 1 Oktober. - Guru bijaksana pembina generasi berwawasan terletak sebahagian besar di bahu guru-guru ugama di mana terbabit dalam dunia pendidikan dan latihan untuk mengembangkan potensi, bakat dan kualiti seseorang pelajar.

Pendidikan seimbang antara duniawi dan ukhrawi sangat penting dalam mempersiapkan negara dengan generasi berwawasan yang berkualiti dan memiliki sahsiah, berkemahiran tinggi serta mampu berfikir secara kreatif dan kritis khususnya untuk mengisi ruang Wawasan Negara 2035.

Demikian antara yang terkandung di dalam tazkirah Program Keagamaan Senegara Persekolahan Ugama dan Arab sempena Hari Guru Ke-26 bagi Tahun 1437 Hijrah / 2016M ini yang memberikan kefahaman mengenai 'Guru Bijaksana Pembina Generasi Berwawasan', berlangsung di Dewan Sekolah Persediaan Arab Temburong (SPAT), Pekan Bangar, di sini.

Dalam tazkirah yang disampaikan oleh salah seorang tenaga pengajar Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkih, Awang Mahardi bin Haji Abdul Rahman itu juga menjelaskan bahawa segalanya tidak akan menjadi realiti jika usaha tidak disokong semua pihak.

"Ibu bapa dan guru, pentadbir sekolah serta masyarakat harus berganding bahu menggembleng tenaga membina generasi berwawasan

yang berdisiplin, bermaruah dan bertakwa. Kualiti rakyat sesebuah negara disifatkan generasi berwawasan yang perlu direalisasikan buat memacu kegemilangan duniawi dan ukhrawi," ujar Awang Mahardi.

Program disertai oleh seramai lebih 150 peserta terdiri daripada para pelajar dan tenaga pengajar Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkih, Pekan Bangar serta para pegawai dari Pejabat Pengajian Islam Daerah Temburong diteruskan dengan bacaan Ratib Al-Attas beramai-ramai dipimpin oleh Awang Haji Sukaimin bin Haji Mohammad.

Bagi memohon keberkatan, Doa Hari Guru telah dibacakan oleh Awang Haji Muhaime bin Haji Suhaili, manakala Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Azami bin Haji Yunus.

Program keagamaan anjuran Jabatan Pengajian Islam ini bertujuan untuk merealisasikan Rancangan Strategik Jabatan Pengajian Islam iaitu meningkatkan peratus pelajar yang mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah Arab dan ugama di negara ini.

Selain itu, program juga bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan program kokurikulum, di samping melahirkan akidah yang kukuh dan akhlak yang mulia melalui program pendidikan kokurikulum dengan melibatkan semua pelajar mengikuti program penghayatan beragama.

## Pendidikan seimbang duniawi dan ukhrawi sangat penting

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**TUTONG**, Sabtu, 1 Oktober. - Dalam pendidikan Islam, matlamat yang ingin dicapai ialah ingin melahirkan al-Insan as-Saleh.

Pendidikan yang seimbang dan sempurna sentiasa memberi penekanan kepada kedua-dua aspek, iaitu kurikulum dan gerak kerja kokurikulum.

Tema program keagamaan ialah 'Guru Bijaksana Pembina Generasi Berwawasan' yang mana memberikan pelajar kefahaman mengenai 'Guru Bijaksana Pembina Generasi Berwawasan' khususnya guru ugama sempena tema Sambutan Hari Guru Ke-26 Tahun 2016.

Program Keagamaan Senegara berkenaan diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong, di sini.

Program dimulakan dengan Tazkirah 'Guru Bijaksana Pembina Generasi Berwawasan' oleh Guru Kanan Amali di sekolah berkenaan, Awang Hairollah bin Awang Mustaffa.

Awang Hairollah antara lain menjelaskan mengenai ciri orang yang bertakwa adalah merupakan orang yang bijaksana.

Orang yang bijaksana itu merupakan suatu keindahan tersendiri, misalnya ketika menjadi seorang guru yang bijak, biasanya sangat disukai oleh murid-muridnya.

Beliau seterusnya menambah, ciri-ciri orang yang bijak itu dapat dinilai dari kriteria sikap seperti tidak emosional, tidak sombong, tidak bakhil dan degil dan banyak lagi.

Sejurus selepas tazkirah, program diteruskan dengan membaca Ratib Al-Attas oleh semua pelajar / murid-murid, Doa Hari Guru dan diakhiri dengan membaca Doa Allah

Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Pelajar dan warga sekolah diterangkan bahawa guru bijaksana pembina generasi berwawasan terletak sebahagian besar di bahu guru-guru ugama di mana terbabit dalam dunia pendidikan dan latihan untuk mengembangkan potensi, bakat dan kualiti seseorang pelajar.

Pendidikan yang seimbang antara duniawi dan ukhrawi sangat penting dalam mempersiapkan negara dengan generasi berwawasan yang berkualiti dan memiliki sahsiah, berkemahiran tinggi serta mampu berfikir secara kreatif dan kritis khususnya untuk mengisi ruang Wawasan Negara 2035.

Segalanya tidak akan menjadi realiti jika usaha tidak disokong semua pihak.



SEBAHAGIAN daripada murid sekolah ugama yang hadir pada Program Keagamaan Senegara yang diadakan di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong.



ANTARA agensi yang hadir bagi memberi bantuan dan menawarkan perkhidmatan kepada ahli-ahli perusahaan ialah Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.

Oleh : Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**TUTONG.** - Darussalam Enterprise (DARE) terus mendekati para pengusaha dan peniaga untuk memberi bantuan dan perkhidmatan kepada mereka melalui ceramah, bengkel serta memberi peluang kepada pengusaha untuk masuk ke laman sesawang DARE secara dalam talian pada Jumaat, 30 September.

Selain itu, DARE juga ingin mengetahui apa-apa juga bentuk maklumat yang berkaitan dengan isu perniagaan, cadangan atau pertanyaan daripada para pengusaha dan peniaga melalui 'Helpdesk'.

Justeru itu, DARE menganjurkan Hari Terbuka Peniaga (Enterprise) bertempat di Dewan Utama, Kompleks Kemasyarakatan, di sini yang bermula dari jam 8.00 pagi dan berakhir jam 5.00 petang.

Hari Terbuka Peniaga turut diselitkan dengan beberapa taklimat ringkas mengenai Wawasan Brunei 2035, Ease of Doing Business, DARE dan lain-lain lagi.

Antara agensi yang menyertai hari terbuka tersebut ialah Ease of Doing Business; Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Pejabat Harta Intelek Brunei (BruIPO); Pusat E-Kerajaan Kebangsaan; Tabung Amanah Pekerja (TAP); Autoriti Monetari Brunei Darussalam; Lembaga Kawalan dan Industri Pembinaan (ABCi); OneBiz; Jabatan Bandaran; Jabatan Tanah; Jabatan Daerah; Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan CIC.

Juga menyertai dari sektor swasta seperti Bank Islam Brunei

# Hari Terbuka Peniaga bantu para pengusaha

Darussalam; Standard Chartered Bank; Bank Baiduri; BAG Network dan LiveWIRE.

Sejak bermulanya Hari Terbuka Peniaga pada Januari di Daerah Brunei Muara dan Mac di Kuala Belait yang lalu, ia telah banyak memberi bantuan dan pertolongan serta sokongan yang diperlukan oleh para pengusaha dan peniaga dalam mendapatkan penyelesaian beberapa masalah dan rintangan yang dihadapi ketika memulakan perusahaan dan perniagaan dengan kerjasama daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat.

DARE adalah sebuah badan berkanun yang diwujudkan bertujuan untuk memupuk dan menyokong peniaga tempatan untuk memulakan atau menubuhkan perniagaan dan perusahaan.

Agensi berkenaan juga akan bekerjasama rapat dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi bukan kerajaan dalam dan luar negara dengan tujuan untuk memupuk pertumbuhan perusahaan perniagaan dan seterusnya meningkatkan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Hari Terbuka Peniaga seterusnya akan dilaratkan ke Daerah Temburong pada bulan Oktober 2016.

Dalam pada itu, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri, Dayang Amalina binti Awang Tengah semasa diwawancara berkata, kejayaan untuk

mencapai Wawasan Brunei 2035 bergantung kepada seluruh peringkat dalam kerajaan komited terhadap Wawasan Brunei 2035 dan semua kementerian dan agensi kerajaan melibatkan diri dalam penyelarasan kerja bagi mencapai Wawasan Brunei 2035.

Selain itu, kejayaan untuk mencapai wawasan berkenaan juga bergantung kepada kefahaman dan dokongan penuh orang ramai yang mempunyai tanggungjawab yang jelas mengenai Wawasan Brunei 2035 dan berusaha sedaya mungkin untuk memainkan peranan.

## Festival Hijrah MPK Kilanas berakhir

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



MAJLIS Penutup Karnival Hijrah MPK Kilanas telah disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhd. Ihsan Sabri bin Haji Manap.

**BERAKAS.** - Sebanyak 36 buah petak jualan disertai oleh Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) pada Karnival Hijrah anjuran Majlis Perundingan Mukim Kilanas dan dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas dengan kerjasama Jabatan Daerah Brunei dan Muara pada Jumaat, 30 September, bertempat di Atrium, Airport Mall.

Sehubungan itu, Majlis Penutup Karnival Hijrah telah disempurnakan oleh Pemangku Timbalan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Muhd. Ihsan Sabri bin Haji Manap.

Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Pertandingan Mewarna bagi kanak-kanak.

Karnival Hijrah kali ini juga disertai oleh lapan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung di daerah ini yang antara lain menawarkan pelbagai jenis jualan produk masing-masing.

Antara tujuan penganjuran karnival ialah untuk menyemarakkan Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1438 selain untuk menambah dana tabung MPK Kilanas dan untuk menyatupadukan lagi Pengusaha-pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) di negara ini termasuk mempromosikan 'Satu Kampung Satu Produk' dari Majlis-majlis Perundingan Kampung.

Karnival ini merupakan kali kedua dianjurkan oleh MPK Kilanas dan berharap akan dapat dianjurkan lagi di masa akan datang demi membantu menjana bukan sahaja ekonomi MPK tetapi juga ekonomi PKS.

## Ilmu berpengakap dikongsi bersama ahli

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Berkongsi sama nilai tambah dapatan perkembangan ilmu pengetahuan serta idea yang baharu serta terkini dari hasil menyertai bengkel Penggunaan Semula Kaedah Pengakap Peringkat Rantau Asia Pasifik telah memberi lebih kefahaman mengenai pengajaran di dalam kaedah pengakap yang sebenarnya agar lebih berkesan di dalam pendidikan berpengakap.

Perkara ini telah dikongsi sama oleh dua orang Jurulatih Pengakap iaitu Pesuruhjaya Latihan, Awang Junaidi bin Haji Hussin dan Pegawai Eksekutif Pengakap merangkap Setiausaha Pasukan Latihan Pengakap Kebangsaan, Awang Zainudin bin Haji Ishak yang telah menyertai Bengkel Penggunaan Semula Kaedah Pengakap anjuran Pergerakan Pengakap Rantau Asia Pasifik kepada seramai lebih 80 orang Pesuruhjaya Pengakap, Pesuruhjaya Pengakap Daerah, Pemimpin-pemimpin Pasukan Pengakap, Penolong-penolong Pemimpin Pasukan Pengakap dan Ahli Pengakap Kelana pada Jumaat, 30 September.

Turut hadir Naib Yang Dipertua; Setiausaha Agong; Timbalan Ketua Pesuruhjaya; Ketua Pegawai Eksekutif.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Awang Badar bin Haji Awang Ali di dalam ucapan alu-aluannya telah menekankan bahawa perlunya berkongsi sama di dalam setiap aspek ilmu pengakap yang diperolehi kepada setiap Pesuruhjaya Pengakap mahupun Pemimpin Pengakap di negara ini agar dapat memberi pemahaman yang lebih berkesan dan membuka minda kepada setiap perubahan ilmu pengakap yang semakin berkembang dengan pesat masa kini.

Pada 12 hingga 15 Ogos 2016 yang lalu, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah menghantar Awang Junaidi bin Haji Hussin dan Awang Zainudin bin Haji



ANTARA yang hadir pada sesi kongsi sama Bengkel Penggunaan Semula Kaedah Pengakap Peringkat Rantau Asia Pasifik.

Berita dan Foto :  
Ihsan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam

Ishak bagi menyertai Bengkel Penggunaan Semula Kaedah Pengakap Peringkat Rantau Asia Pasifik anjuran Pusat Sokongan Serantau bagi Pergerakan Pengakap Rantau Asia Pasifik dengan kerjasama the General Association of the Scouts of China - Taiwan.

Bengkel sepanjang empat hari ini telah disertai oleh seramai lebih 50 orang Jurulatih Pengakap daripada 15 buah negara dari rantau Asia Pasifik yang bertujuan untuk mengumpul jurulatih-jurulatih pengakap dari Pertubuhan Pengakap Kebangsaan dalam memberikan peberkongsi di antara mereka idea-idea bagaimana untuk melaksanakan kaedah pengakap yang lebih berkesan.

Pada akhir bengkel ini dihasratkan para peserta dapat mengetahui dalam

menganalisa keadaan semasa falsafah kaedah pengakap serta meneroka teori dan semasa membuat aplikasi kepimpinan dalam model pengakap yang berhubung kait dengan kaedah pengakap.

Rasa menghargai keberkesanan kaedah pengakap seperti dikongsi bersama oleh peserta lain yang telah melaksanakan kaedah ini di peringkat akar umbi. Mengadakan perbincangan mengenai konsep yang dicadangkan ke atas kaedah pengakap yang dizahirkan dari proses kajian global dan mengira semula tindakan bagaimana kaedah pengakap boleh berkesan dilaksanakan di peringkat akar umbi dalam membangunkan aplikasi pergerakan Pertubuhan Pengakap Kebangsaan melalui kepimpinan dalam model pengakap.

## Sembahyang Hajat sebelum peperiksaan

Berita : Noraisah Muhammed

**KUALA BELAIT.** - Bermula tahun 2010 Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah memberikan biasiswa kepada penuntut yang mengikuti kelas tuisyen di bawah Program 'Intervention' Pendidikan (PIP) YSHHB dan yang memperolehi keputusan cemerlang bagi meneruskan pengajian Tahun 7 di Sekolah Menengah YSHHB dengan semua kos pembelajaran dibiayai oleh YSHHB.

Sehubungan itu, YSHHB telah mengendalikan Majlis Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan bacaan Surah Yaa Siin bagi peserta yang mengikuti projek kelas tuisyen di bawah PIP bagi Daerah Belait yang menduduki peperiksaan tahun ini pada Jumaat, 30 September.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Masjid Kampung Pandan 7, Awang Julazni bin Zaini dan diselajarkan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai serta bacaan Doa Menghadapi Peperiksaan.

Kemudian diteruskan dengan Penyampaian Sijil Penghargaan pada Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar yang beroperasi sebagai pusat tuisyen disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah selaku Ahli Jawatankuasa Sukarelawan YSHHB, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman, selaku tetamu kehormat majlis.

Hadir sama pada majlis tersebut Penolong Pengarah Urusan YSHHB, Dayang Hajah Donaliza binti Abdullah Puasa, selaku Penolong Pengerusi PIP Sukarelawan YSHHB; pegawai-pegawai kanan Kementerian Pendidikan dan kakitangan YSHHB.

# BSB kian maju seiring usianya

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman  
Foto : Jabatan Penerangan



**O**KTOBER tahun ini, genaplah usia 46 tahun penukaran nama Bandar Brunei menjadi Bandar Seri Begawan (BSB). BSB yang sebelumnya dikenali dengan Bandar Brunei mula wujud pada tahun 1920. Bandar Brunei yang dahulunya sunyi dari sebarang pembangunan sudah banyak berubah wajah. Malahan perubahan tersebut sudah banyak yang dapat kita saksikan sendiri dengan munculnya dan terbinanya banyak bangunan-bangunan kerajaan dan swasta serta premis-premis perniagaan yang menjadi tarikan para pelancong luar negara.

Mengimbas sejarah negara kita, tarikh penukaran nama Bandar Brunei menjadi BSB sebagai memperingati Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 turun takhta pada 4 Oktober 1967. Kemudian, pada 4 Oktober

1970, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan nama Bandar Brunei ditukar menjadi BSB, sekali gus sebagai mengenang jasa ayahanda baginda yang cukup sinonim dengan gelaran 'Arkitek Brunei Moden' dalam pembangunan dan perkembangan Negara Brunei Darussalam.

Kini, BSB melalui banyak perubahan yang memberangsangkan dan sebagai ibu kota bagi Negara Brunei Darussalam, ia menjadi pusat pentadbiran negara yang berdaya maju, di samping masih mengekalkan tradisi dan warisan masyarakatnya yang sangat tinggi nilainya. Walau pesat membangun dan dipengaruhi oleh arus kemodenan, namun tradisi, kehidupan serta atur cara kehidupan masyarakat negara kekal berpegang

teguh dan utuh pada nilai Melayu Islam Beraja (MIB) dan ini jelas terbukti dari segi pertuturan orang-orang kitani yang kekal menandai sifat kehalusan dalam berbahasa, ramah-tamah berbicara dan kesantunan dalam melayani masyarakat terutama sekali terhadap pelancong-pelancong yang datang berkunjung ke negara kita.

Justeru itu, peranannya sebagai pusat bandar yang lengkap yang turut meliputi aspek-aspek pentadbiran, perhubungan, keagamaan dan kebudayaan serta perniagaan menjadi satu mercu tanda betapa pesatnya pembangunannya sebagai ibu kota Negara Brunei Darussalam.

Dari segi tarikan dan pelancongan negara, sebenarnya BSB berupaya dan mampu dijadikan sebagai pusat utama destinasi pelancongan kerana terdapat banyak tempat yang menarik untuk dikunjungi tambahan lagi BSB merupakan ibu kota yang

menyimpan pelbagai sejarah untuk ristaan generasi moden dan seterusnya.

Salah satu destinasi pelancongan yang seharusnya dipertahankan dan diperkukuhkan bahkan mungkin dapat dipertingkatkan lagi dari segi tarikan untuk pelancongan ialah Kampong Ayer yang penuh dengan keunikan kerana perkampungannya yang dibina di pesisiran Sungai Brunei telah wujud sejak Kurun Ke-18. Pelancong juga boleh menikmati ambuyat, sejenis hidangan tradisi masyarakat Brunei yang sering kali menjadi pilihan dengan pelbagai hidangan sampingan seperti cacah binjai, cacah mangga, ikan rebus atau ampap, sayuran kampung, ulam-ulaman dan sebagainya. Sebuah tempat yang juga sama uniknyanya untuk dikunjungi ialah Tamu Kianggeh yang menjual pelbagai jenis buah-buahan, sayur-sayuran segar, kuih-muih tradisi, akar kayu yang tinggi khasiatnya serta produk-produk buatan tempatan. Sering kali kita temukan pelancong-pelancong asing yang sanggup singgah ke tamu ini seawal pagi untuk menikmati suasana tamu.

Bukan itu sahaja, dengan penukaran nama Bandar Brunei menjadi BSB juga telah menjadikannya sebagai sebuah bandar yang menarik dan maju. Selain dari premis-premis kerajaan yang menempatkan pusat pentadbiran seperti Bangunan Sekretariat Negara Brunei Darussalam, Pejabat Pos Besar, Jabatan Elektrik, Bangunan Adat Istiadat Negara Brunei Darussalam, Bangunan Lapau dan sebagainya, terdapat juga bangunan yang menempatkan pejabat-pejabat swasta perbankan dan lain-lain lagi.

Letih berjalan, pelancong atau pengunjung juga boleh singgah untuk menikmati pelbagai juadah makanan dari jenis kampung membawa ke masakan moden di Gerai Kianggeh bahkan ke Tamu Selera yang terletak berdekatan dengan Bangunan Alat-Alat Kebesaran Diraja dengan harga yang rendah dan berpatutan.

Dengan penukaran nama Bandar Brunei menjadi BSB telah melakar sejarah negara kerana penukaran ini menjadi titik tolak pada bermulanya pembangunan yang semakin pesat. Bahkan satu pembangunan ketara yang dicapai dan menjadi ristaan sejarah negara dan ibu kota ialah pembinaan jambatan sepanjang 30 kilometer yang akan merentasi perairan Brunei menghubungkan Jalan Utama Mentiri di Daerah Brunei dan Muara dan Labu Estate

di Daerah Temburong. Sesiapnya nanti ia berkeupayaan membantu mempercepatkan lagi perjalanan berulang-alik bagi kedua-dua daerah itu kepada kira-kira 30 ke 40 minit sahaja.

Setentunya Jambatan Temburong akan menjadi mercu tanda penting bagi Negara Brunei Darussalam dan satu lagi adalah Jambatan Jalan Residency - Sungai Kebun yang menelan kos BND138.9 juta. Pembinaan struktur ikonik itu adalah satu tarikan dan berpotensi mewujudkan pembangunan ekonomi di tapak BSB asal, yang terletak di depan Sungai Brunei dan Kampong Ayer.

Projek ini adalah salah satu projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dikendalikan oleh Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan dan akan memakan masa selama tiga tahun pembinaan, iaitu dijangka siap pada tahun 2016. Di samping itu juga, projek ini juga adalah julung-julung kali dilaksanakan di negara ini iaitu pembinaan *cable stayed bridge* sepanjang 300 meter *main span* dan 157 meter *high cable (pylon) tower*. Jambatan sepanjang kira-kira 607m keseluruhannya, jika siap nanti akan menjadikan *cable stayed bridge* yang pertama di negara ini. Projek ini juga termasuk pembinaan dua buah jambatan, sebuah jambatan di Jalan Residency dan sebuah jambatan di Jalan Sungai Kebun.

Projek ini merupakan salah satu projek terpenting di negara ini kerana ia dijangka dapat mencerminkan satu mercu tanda yang melambangkan satu lagi kejayaan dalam bidang industri pembinaan baik di negara ini mahupun di rantau ini, apatah lagi ia melibatkan pemborong dari luar negara yang sememangnya berpengalaman dan berkemahiran.

Jambatan itu termasuk pembinaan jambatan kabel yang pertama di negara yang kira-kira 300m panjang dengan jumlah panjang keseluruhan 607m.

Juga menjadi harapan kita agar generasi kita yang akan datang akan sentiasa memastikan pembangunan negara kita ini berjalan selancar dan sempurna yang diinginkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Marilah kita panjatkan doa dan kesyukuran kerana telah menikmati segala kesempurnaan berkat pimpinan baginda. Jangan tanya apa yang telah negara lakukan untuk kita, malah tanyalah diri sendiri apakah sumbangan kita untuk negara kita Brunei Darussalam tercinta ini tak kira dari sumbangan secara kecil-kecilan mahupun besar.



# Menjaga kebersihan tanggungjawab bersama

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Bagi meningkatkan kesedaran para penduduk kampung dan sekitarnya mengenai pentingnya kebersihan alam sekitar khususnya persekitaran kampung, lokasi-lokasi tarikan orang awam dan pelancong luar negara, Kempen Kebersihan telah diadakan di beberapa kawasan

sekitar Bandar Seri Begawan pada Jumaat, 30 September.

Antara kawasan yang terlibat dalam Kempen Kebersihan ini adalah sekitar kawasan Kampung Tamoi, persekitaran Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah serta kawasan-kawasan bangunan dan kedai-kedai



AHLI-AHLI Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, persatuan bukan kerajaan (NGOs), pemilik-pemilik dan penyewa-penyewa bangunan serta orang ramai bergotong-royong membersihkan kawasan persekitaran.

perniagaan di Gadong.

Kempen kebersihan ini diungkuhkan bersama oleh Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, persatuan bukan kerajaan (NGOs), pemilik-pemilik dan penyewa-penyewa bangunan serta orang ramai.

Kempen tersebut adalah termasuk membersihkan longkang-longkang, persekitaran dan halaman serta aliran-aliran sungai bagi mengelakkan pembiakan serangga-serangga seperti lalat, nyamuk dan tikus yang boleh membawa penyakit.

Kempen ini adalah atas kesedaran penduduk dan ketua kampung dalam memelihara kawasan dan sekitar kampung agar ianya sentiasa bersih dan cantik.

Sifat mahu melihat alam sekitar dan kampung yang bersih ini perlulah dicontohi oleh Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Majlis Perundingan Kampung, penduduk dan rakyat di seluruh negara.

Dalam Kempen Kebersihan bertempat di Gadong, pihak Penguatkuasa Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan telah mengeluarkan saman kompaun sebanyak BND500 kepada dua buah syarikat kerana telah membuang sampah dan sisa-sisa minyak terpakai

dengan tidak teratur.

Jabatan Bandaran dan Jabatan Daerah serta agensi-agensi kerajaan yang lain akan mengambil tindakan tegas kepada mana-mana individu, syarikat-syarikat, pemilik-pemilik bangunan yang tidak mematuhi undang-undang dalam menjaga kebersihan alam sekitar.

Pemilik Restoran C'FU Curry House, Wong Kon Shu semasa ditemu bual berkata, para pemilik kedai harus bekerjasama membersihkan kawasan persekitaran kedai untuk keselamatan dari segi kesihatan.

Sementara itu, Penghulu Mukim Gadong 'B', Mejar (B) Awang Haji Abu Bakar bin Sapar berkata kempen ini antara lain diharap akan memberi kesedaran kepada masyarakat setempat serta rakyat dan penduduk di mukim ini akan pentingnya bagi sama-sama menjaga kebersihan di kawasan masing-masing dan

seterusnya akan dapat membudayakan amalan menjaga kebersihan serta sikap pembersih setiap masa juga menjadikan kawasan-kawasan dan alam sekitar akan lebih bersih, indah, ceria serta bebas dari tempat-tempat pembiakan nyamuk.

Menurut beliau, Kempen Kebersihan ini akan terus dilaksanakan sekerap mungkin.

Perkara yang sama turut diakui oleh Ketua Kampung Menglait dan kawasan setempatnya, Haji Awang Mohdar bin Haji Awang Ahmad.

Kempen Kebersihan itu ujarnya, dihasratkan agar semua pihak dari pelbagai lapisan masyarakat akan dapat sama-sama memikul tanggungjawab menjaga kebersihan di kawasan masing-masing, di samping dapat menanamkan semangat dan sikap bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan setiap masa di mana juga tempat serta kawasan.

## Tingkat kewaspadaan penularan Virus Zika

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 30 September. - Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan mengenai nasihat perjalanan Virus Zika yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat bagi mereka yang hendak ke Asia Tenggara termasuk Negara Brunei Darussalam.

Program pengawasan Virus Zika yang meliputi kedua-dua kemudahan penjagaan kesihatan kerajaan dan swasta secara rutin melindungi semua kes yang disyaki berdasarkan definisi dan garis panduan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) semasa dan sampel makmal juga dikumpul bagi ujian pengesanan.

Tiada kes penyakit Virus Zika dikesan di Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan terus sentiasa berwaspada dan mempertingkatkan 'Pelan Persediaan Kementerian Kesihatan untuk Pencegahan dan Kawalan Penyakit Virus Zika' sebagai persediaan bagi sebarang kemungkinan.

Di samping itu, semua aktiviti pencegahan dan pembinaan keupayaan untuk mencegah, mengesan dan kawalan penyakit akan dikawal selia oleh Pasukan Bertindak Pelbagai Sektor bagi Pencegahan dan Kawalan Penyakit Virus Zika yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan termasuk Jabatan Perdana Menteri; Kementerian Pembangunan; Kementerian Perhubungan; Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Kementerian Kesihatan.

Orang ramai dinasihatkan agar tidak panik dengan respon daripada maklumat perjalanan dari Amerika Syarikat. Walaupun Brunei Darussalam kini bebas dari Virus Zika namun kita perlu untuk bersiap siaga.

Langkah pencegahan paling berkesan ialah dengan membasmi tempat pembiakan nyamuk. Kebersihan alam sekitar adalah penting dan kita mesti mengosongkan, membersihkan dan menutup bekas yang boleh menampung air, seperti bekas plastik, baldi, pasu bunga dan tayar. Pastikan juga bahawa semua longkang dalam

keadaan bersih, berfungsi dengan baik dan tidak disekat. Semua sampah hendaklah dilupuskan dengan betul.

Selain membasmi tempat pembiakan melalui kebersihan alam sekitar, kita juga hendaklah mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan diri kita digigit oleh nyamuk seperti memakai pakaian panjang, longgar, pakaian berwarna cerah yang meliputi kulit, menggunakan racun pembunuh nyamuk dan mengelakkan berada di luar daripada awal pagi dan lewat petang (melainkan jika perlu).

Selaras dengan panduan WHO, Kementerian Kesihatan tidak menasihati mengenai apa-apa perjalanan atau menyekat perdagangan dengan negara-negara yang terjejas, atau apa-apa pemeriksaan atau pengasingan pelancong di pintu masuk.

Wanita hamil dinasihatkan untuk mengelakkan perjalanan ke kawasan terjejas dan jika seorang wanita hamil atau suaminya baru-baru ini melawat negara terjejas Virus Zika, kedua-dua pasangan perlu mengamalkan hubungan kelamin yang selamat atau berpantang bagi keseluruhan kehamilan.

Individu yang telah melawat negara yang terjejas atau sedang dalam perjalanan dari negara yang terjejas, kemudiannya mengalami gejala seperti demam, ruam, konjunktivitis, sakit kepala dan sakit otot dalam tempoh dua minggu masuk ke Negara Brunei Darussalam perlu diperiksa di pusat kesihatan yang berdekatan.

Kementerian Kesihatan dan agensi yang berkaitan akan terus memantau perkembangan kegiatan dengan kerjasama WHO, dan akan-rakan ASEAN. Kami terus berwaspada dan bersedia dan menyeru semua pihak berkepentingan termasuk orang ramai untuk mengambil bahagian sepenuhnya dalam usaha negara untuk mencegah dan mengawal jangkitan Virus Zika dengan memastikan kebersihan alam sekitar.

Untuk maklumat lanjut mengenai Virus Zika dan penyakit bawaan nyamuk, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan di [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau hubungi talian Darussalam 123.

## 33 terima sijil Kursus Asas Kejurulatihan Olahraga



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan (kiri) semasa menyampaikan sijil Kursus Asas Kejurulatihan Olahraga kepada peserta.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BERAKAS,** Jumaat, 30 September. - Seramai 33 peserta terdiri daripada 23 lelaki dan 10 perempuan berjaya menamatkan Kursus Asas Kejurulatihan Olah Raga (Athletics Foundation Coaching Courses) 2016 yang diadakan selama lima hari sejak 26 September lalu.

Majlis penutup dan penyampaian sijil disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan, berlangsung di Bilik Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Pengerusi Kejurulatihan, Awang Haji Ahmad Yardy bin Haji Abd. Karim dalam ucapannya menjelaskan, Persekutuan Olah Raga Brunei Darussalam (BDAF) bertanggungjawab melaksanakan pelbagai program aktiviti sepanjang tahun seperti menganjurkan kejohanan olah raga, pemilihan uji masa kebangsaan (national time trial), mengadakan kursus-kursus dan penyertaan pada kejohanan olahraga kebangsaan.

Kursus Kejurulatihan Olah Raga ini tambahnya, adalah kursus

kejurulatihan yang pertama diadakan yang memberikan peluang kepada masyarakat tempatan yang ingin berkecimpung dalam bidang Kejurulatihan Olah Raga dengan hasrat untuk menambah jurulatih-jurulatih yang berkebolehan pada peringkat akar umbi di negara ini selaras dengan perancangan dan sasaran pembangunan sukan olah raga.

"Alhamdulillah, di sepanjang kursus ini diadakan, para peserta kursus telah menunjukkan kesungguhan dan minat mendalam untuk mempelajari kaedah dan program kejurulatihan (methodology and programming in coaching)," ujarnya.

Dengan peratus kehadiran yang sangat membanggakan, mereka juga begitu aktif di setiap sesi kuliah dan praktikal dan lebih membanggakan lagi, para peserta telah dapat mempraktikkan sesi latihan di antara jurulatih dan atlet, di mana mereka dapat bertindak sebagai jurupandu kepada atlet dengan baik.

Pihak BDAF jelasnya, akan sentiasa memantau dan memberi

bantuan kepada para peserta dari semasa ke semasa bagi mempertingkatkan teknik ataupun kaedah latihan mereka.

Sepanjang kursus itu diadakan, para peserta telah mengikuti sesi kuliah dan praktikal yang telah dibimbing oleh seorang tenaga pengajar / jurulatih yang mempunyai kelayakan sijil kejurulatihan International Association of Athletics Federation (IAAF) dan mempunyai kepakaran dalam bidang olahraga.

Sementara itu, dalam temu bual Pelita Brunei bersama Setiausaha Agung BDAF, Awang Md. Shahjohan bin Haji Shari pula menjelaskan, BDAF kali ini memfokuskan pada projek pembangunan, iaitu bagi pembangunan atlet dan kejurulatihan.

Beliau berkata, negara masih lagi kekurangan jurulatih tempatan yang berkecimpung dalam bidang olah raga dan sememangnya ia adalah suatu yang amat diperlukan.

Ketika ini tambahnya, kita mempunyai jumlah jurulatih yang terhad untuk menampung bagi keempat-empat daerah dan oleh kerana itu, BDAF menganjurkan kursus ini yang dihasratkan dapat menyebarkan ilmu-ilmu dalam bidang olah raga di mana asas itu adalah amat penting.

Sebelum ini ujar beliau memang ada dianjurkan kursus kejurulatihan namun bagi kursus ini, buat pertama kalinya BDAF akan melaksanakan sistem pemantauan (monitoring system) selama enam bulan kepada para peserta kursus selepas tamat kursus berkenaan sebelum mereka diberikan sijil.

Tambahnya, dalam masa enam bulan tersebut, para peserta akan melatih dan membimbing sekurang-kurangnya seorang atlet berbandukan pada program kejurulatihan yang telah dipelajari semasa kursus.

Sememangnya di negara ini jelasnya, mempunyai banyak penggemar sukan olah raga di keempat daerah yang boleh ditonjolkan pada peringkat kebangsaan cuma kita kekurangan jurulatih dan dari kursus yang diadakan ini akan dapat menambah bilangan jurulatih di negara ini dan seterusnya pihak BDAF akan dapat menganjurkan program-program kejohanan olah raga nanti.

# Pasukan K2A juara Kejohanan Bola Sepak Terima Kasih Cikgu



**TIMBALAN** Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (kiri) semasa menyampaikan piala kepada ketua Pasukan Kluster 2A (K2A) yang memenangi Kejohanan Bola Sepak Terima Kasih Cikgu Tujuh Orang Sepasukan Ke-5 sempena Sambutan Hari Guru Ke-26.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 2 Oktober. - Pasukan Kluster 2A (K2A) muncul johan pada Kejohanan Bola Sepak Terima Kasih Cikgu Tujuh Orang Sepasukan Ke-5 sempena Sambutan Hari Guru Ke-26 setelah berjaya menewaskan Pasukan Kluster 5A (K5A) dalam tendangan penalti.

Kejohanan berlangsung di Padang Sekolah Rendah Datu Mahawangsa,

Kampung Lambak.

Pasukan K2A dan Pasukan K5A berkedudukan seri 1-1 yang mana pada akhir perlawanan talah diadakan sepakan penalti bagi kedua-dua buah pasukan dan disudahi dengan jaringan 4-3.

Tempat ketiga dirangkul oleh Pasukan Jabatan Pengajian Islam (JPI) setelah berjaya mengalahkan Pasukan

Pentadbiran dan Perjawatan (DA-P) dengan jaringan 4-0.

Majlis penyampaian hadiah kepada pasukan pemenang disempurnakan oleh tetamu kehormat, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Johan membawa pulang Piala Timbalan Menteri dan piala iringan berserta wang tunai berjumlah BND200.

Sementara naib johan membawa pulang piala iringan dan wang tunai berjumlah BND150 dan tempat ketiga membawa pulang piala iringan dan wang tunai berjumlah BND100.

Pemain Terbaik diberikan kepada Mohd. Azim bin Dato Paduka Haji Murni dari Pasukan K2A dan Penjaring Terbanyak diberikan kepada Haji Adee Suhardee bin Haji Muhidin dari Pasukan JPI iaitu sebanyak enam jaringan sepanjang kejohanan.

Kejohanan dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum disertai oleh pegawai-pegawai dan kakitangan warga Kementerian Pendidikan dari jabatan-jabatan / bahagian-bahagian dan institusi pengajian tinggi serta pasukan jemputan, JPI.

Sebanyak 21 buah pasukan telah menyertai kejohanan tersebut yang dibahagikan kepada empat kumpulan yang mana pasukan yang menduduki tempat pertama dan kedua bagi setiap kumpulan akan mara ke peringkat suku akhir.

Kejohanan ini diadakan adalah bertujuan untuk memenuhi kalendar

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

aktiviti jabatan bagi merealisasikan impian kerajaan dalam menjayakan program sihat dan cergas khusus untuk warga Kementerian Pendidikan dan pasukan-pasukan jemputan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Selain itu, ia bertujuan mengeratkan lagi silaturahim dan kerjasama di


antara pegawai-pegawai, guru-guru dan kakitangan Kementerian Pendidikan dan KHEU sekali gus mencungkil bakat-bakat baharu serta memilih pemain-pemain untuk diserapkan bagi mewakili Kementerian Pendidikan ke Kejohanan Antara Kementerian-Kementerian Negara Brunei Darussalam.

## Layari Epaper Pelita Brunei



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

CARTA ALIRAN MEMASUKKAN IKON PINTAS **EPAPER** PELITA BRUNEI KE DALAM 'HOME SCREEN' TELEFON PINTAR AWDA



Siaran Akhbar dan Carta : Jabatan Penerangan

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Epaper Pelita Brunei merupakan surat khabar Pelita Brunei dalam versi digital dan mula beroperasi pada 18 Jun 2016.

Ia boleh dilayari melalui [www.pelitabrunei.gov.bn/epelita](http://www.pelitabrunei.gov.bn/epelita). Dikemaskinikan setiap tiga kali seminggu, iaitu hari Isnin, Rabu dan Sabtu. Terdapat 24 halaman muka surat dimuatkan ke dalam Epaper tersebut yang boleh dilayari melalui internet sama ada menggunakan komputer, tablet atau telefon pintar dan sebagainya.

Antara ciri-ciri Epaper Pelita Brunei ialah PDF boleh dimuat-turun (dijadikan simpanan arkib, rujukan dan sebagainya dalam telefon pintar atau komputer). Epaper ini juga boleh disaksikan secara 'Thumbnails' (boleh dilihat secara keseluruhan atau paparan kecil kesemua muka surat Pelita Brunei dengan nombor muka suratnya). Epaper ini juga boleh diikuti atau dikongsikan secara aplikasi Facebook, Twitter, Linked In, Tumblr, Google Plus, E-Mail dan VK. Di dalam Epaper ini juga terdapat ruang carian *search* mengenai Epaper Pelita Brunei dengan menggunakan teks tidak kurang dari tiga huruf.

Tujuan Epaper ini adalah untuk memberi kemudahan kepada orang ramai yang tidak memperoleh Pelita Brunei secara bercetak. Oleh kerana itu, Epaper dibuat bagi memudahkan mendapatkan berita terkini dengan menggunakan kemudahan internet secara lebih cepat serta mengurangkan penggunaan kertas.

# MS ABDB juara Liga Super DST



**AHLI** Lembaga Pengarah DST, Awang Abdul Latif bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof (kiri) menyampaikan piala kepada juara Kejohanan Liga Super DST 2016, iaitu pasukan Majlis Sukan ABDB.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN.** - Pasukan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB) mengekalkan kejuaraan dua tahun berturut-turut pada Kejohanan Liga Super DST 2016 Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD).

Mereka menerima hadiah wang tunai BND14,000 berserta piala pusingan, piala iringan dan pingat.

Naib juara disandang oleh pasukan Indera SC dengan menerima hadiah wang tunai BND10,000 berserta piala iringan dan pingat, diikuti dengan tempat ketiga dimenangi oleh pasukan

Wijaya FC dengan menerima hadiah wang tunai BND6,000 berserta piala iringan dan pingat.

Hadiah kejohanan disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah DST, Awang Abdul Latif bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof pada majlis yang berlangsung di Kompleks Sukan Berakas pada hari Jumaat, 30 September.

Pada majlis tersebut, pasukan Tabuan di bawah 21 tahun telah diumumkan sebagai pasukan 'Fair Play' Liga Super DST bagi Musim 2016.

Sementara itu, Soldadu Abd. Azizi bin Ali Rahman dari pasukan MS ABDB diumumkan sebagai penjaring terbanyak dengan lapan jaringan, manakala Soldadu Mohd. Tarmizi bin

Haji Mat Johari juga dari pasukan MS ABDB dinobatkan sebagai pemain terbaik.

Jurulatih MS ABDB, Mejar (U) Razanol Hardi bin Abd. Razak ketika ditemu bual Pelita Brunei melahirkan rasa bangga atas pencapaian itu sambil mengakui kejayaan tersebut merupakan hasil kerja keras pemain-pemain yang tidak pernah berputus asa sekalipun berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang liga berlangsung.

Tambahnya, para pemain telah melakukan yang terbaik dan mereka juga sangat profesional semasa menjalani latihan.

Terdahulu dalam perlawanan terakhir Liga Super DST 2016, Indera SC telah berjaya menumpaskan Najip I-Team yang berkesudahan dengan 3 - 0.

Pada babak pertama, kedua-dua pasukan telah gagal untuk menjaringkan sebarang gol, namun separuh masa kedua menyaksikan pasukan Indera SC mendominasi perlawanan.

Gawang pasukan Najip I-Team berjaya dibolosi oleh pasukan Indera FC hasil jaringan dari Hamizan Aziz bin Sulaiman pada minit ke-59.

Pasukan Indera FC menggandakan serangan berhasil menambah jaringan oleh Mohammad Asri bin Haji Aspar pada minit ke-63.

Pada minit terakhir perlawanan, menyaksikan pasukan Indera FC menjaringkan satu lagi gol melalui tendangan Mohammad Asri yang gagal ditangkap kemas oleh penjaga gol pasukan Najip I-Team.

**BERITA-BERITA HARIAN** BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

**"JAGA LIMA PERKARA ASASI : UGAMA, NYAWA, AKAL, KETURUNAN DAN HARTA"**

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان متري دان دجيتق اوله جباتن فرجيتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.